

# Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 150 ● 14 - 20 JANUARI 2022 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

Penduduk rumah teres pula berkeras

## Pembangunan semula tiada noktah?

**P**EMBANGUNAN semula yang direncanakan di Kampung Sungai Baru, Kampung Baru Kuala Lumpur bagaikan tiada noktah apabila penduduk rumah teres pula berkeras tentang harga nilai tanah lokaliti berkenaan yang keronnya tidak kurang RM1,500 per kaki persegi.

Menerusi sidang akbar pada 8 Januari lalu, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pemilik Rumah Teres, Lele Suzana Kudari lantang menyuarakan ketidakpuasan hati selain menyifatkan Perjanjian Usahasama Pemilik dan Pemaju bakal merugikan pemilik tanah.

Berdasarkan senario yang berlaku itu, persetujuan antara pemilik dan pemaju sukar dicapai sekali gus dilihat bakal merencatkan pembangunan semula yang dirancang.

Persoalannya, adakah tanah di Kampung Sungai Baru itu bernilai tinggi seperti yang didakwa atau sebenarnya penduduk boleh diumpamakan sebagai 'si buta membilang bintang di langit' dan kerajaan perlu menunggu tempoh pajakan yang berbaki 57 tahun lagi tamat bagi merealisasikan pembangunan semula.

BERITA LANJUT DI MUKA 3



"Saya, ayah hampir dimamah api" - Kumari ➤ 4



Unit Berkuda  
PPj simbol  
kemegahan  
Putrajaya  
➤ 9, 10 & 11



Kelas pemasaran  
digital luaskan strategi  
perniagaan UAMK ➤ 18

Mampu rangsang semula ekonomi masyarakat, negara

# Lanjutan IWBB langkah terbaik - PPMM

AZLAN ZAMBRY

**I**NISIATIF Wilayah Bebas Berniaga (IWBB) yang diperkenalkan untuk membantu golongan rentan terjejas sumber pendapatan wajar diteruskan meskipun kelonggaran telah diberikan dalam pembukaan sektor ekonomi di ibu kota.

Pengerusi Biro Keusahawanan dan Sosio Ekonomi Persatuan Pengguna Melayu Malaysia (PPMM), Mohd Afiq Salim berkata, keputusan yang diambil dalam melanjutkan program IWBB sehingga Jun tahun ini bertepatan dengan situasi semasa selain memastikan kesinambungan program pencerdasan ekonomi golongan B40 dipertingkatkan bagi mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan.

"Usaha yang dirintis ini se-



MOHD AFIQ

memangnya dapat menyelamatkan kehidupan golongan terjejas.

"Justeru itu, bandaraya Kuala Lumpur mesti memastikan program IWBB diteruskan dan agensi berkaitan mesti memudahkannya agar ia dapat membantu lebih ramai warga kota yang menjadikan bidang penjajaan sebagai alternatif untuk keluar dari kemiskinan bandar," katanya kepada *Wilayahku* pada Selasa.

Selain itu, katanya, untuk perancangan jangka masa panjang, program ini wajar dibangunkan dengan strategik serta latihan dan pendidikan perniagaan harus diberikan agar selari dengan semangat Revolusi Industri 4.0.

Golongan yang baharu menjaya ini memerlukan bantuan dan sokongan daripada kerajaan dan agensi yang berkaitan. Agensi kredit milik kerajaan seperti Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha



LANJUTAN Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga (IWBB) dapat membantu Industri Kecil dan Sederhana (IKS) sekali gus merangsang pertumbuhan ekonomi rakyat dan negara.

NIAGA (TEKUN) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) perlu menawarkan bantuan kewangan bagi menyokong peniaga kecil supaya

dapat membantu mempercepatkan pemulihran ekonomi negara.

"Kita juga tidak mahu peniaga kecil dan penjaja ini tercicir dar-

ipada era digitalisasi. Agensi yang berkaitan harus proaktif dan merangka program agar usahawan di ibu kota mendapat pendidikan dan pendedahan dengan penggunaan teknologi terkini seperti pembayaran melalui *payment gateway* dan seumpamaya," jelas beliau.

Dalam pada itu, beliau berharap program IWBB akan diteruskan selepas Jun ini bagi mengelakkan ketidaktentuan ekonomi yang lebih besar akibat moratorium akan berakhir pada Februari ini.

Katanya, jika IWBB tidak diteruskan, ia boleh menjadi masalah kerana kelompok terlibat juga sedang bergelut untuk meneruskan kehidupan dan ia mampu meningkatkan kadar jenayah sekiranya tidak ditangani dengan betul.

Ujarnya, meskipun jumlah peserta IWBB melebihi 4,500 orang, pihaknya berpendapat bahawa jumlah itu jauh lebih banyak memandangkan ramai yang tidak berdaftar dengan program itu.

WK

## Rumah Kasih Keluarga Malaysia: RM100 juta diperuntukkan baik pulih kesan banjir

DIANA AMIR

SEJUMLAH RM100 juta diperuntukkan bagi membina semula dan membaik pulih rumah yang terkesan akibat banjir di bawah Inisiatif Rumah Kasih Keluarga Malaysia.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican berkata, KPPT dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) masing-masing diperuntukkan RM50 juta.

"Kos sebanyak RM5,000 sehingga RM15,000 diperuntukkan bagi baik pulih rumah dan RM56,000 bagi kos bina baharu.

"Ia dilaksanakan secara bersepadu di mana KPPT bertanggungjawab bagi rumah-rumah kategori bandar di kawasan seliaan pihak berkuasa tempatan (PBT) manakala KPLB pula rumah-rumah di kawasan luar bandar," katanya dalam satu kenyataan.

Tambahnya, inisiatif berkenaan turut melibatkan peranan pelbagai pihak antaranya di peringkat agensi iaitu Kementerian Kerja Raya (KKR), Kementerian Kewangan (MOF), Unit Perancang Ekonomi (EPU), Unit Penyelaras Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU,



JPM) Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) serta di peringkat negeri seperti PBT dan kerajaan negeri di lokasi terlibat banjir.

Reezal Merican berkata, pelaksanaan Inisiatif Rumah Kasih Keluarga Malaysia meliputi tiga fasa di mana Fasa 1 melibatkan kerja penumpuan data oleh Pusat Kawalan Operasi Banjir (PKOB) di peringkat daerah.

Menurutnya, penyelaras-

dan dilakukan kerajaan negeri dan maklumat rakyat yang terkesan akan dikumpulkan oleh ICU, JPM sebagai Pusat Data Utama mangsa banjir.

"Fasa 2 melibatkan pelaksanaan dan agensi penilaian iaitu KPPT, KPLB, JKR dan kerajaan negeri dalam periksaan, penilaian dan verifikasi data-data yang telah dikumpulkan.

"Manakala Fasa 3 adalah kerja-kerja pembinaan atau baik pulih semua rumah yang terkesan sehingga siap dan kemudiannya akan

dilaporkan semula kepada ICU, JPM selaku Pusat Data Utama Mangsa Banjir," tambahnya.

Menurut Reezal Merican, setakat ini terdapat 8,257 jumlah rumah yang terjejas akibat banjir di mana 118 adalah bagi pembinaan baru manakala 8,139 bagi membaik pulih rumah yang terjejas.

"Angka-angka ini bersifat dinamik dan dijangka akan bertambah memandangkan masih ada negeri yang masih dilanda banjir. Data-data ini sedang dimuktamadkan kerajaan negeri dan akan dikemukakan kepada KPLB dan KPPT dari semasa ke semasa," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam memastikan usaha bersepadu ini dapat dilaksanakan.

"KPPT memberikan komitmen yang tinggi bagi memastikan keresahan rakyat yang kehilangan tempat tinggal atau kediaman mereka mengalami kerosakan akibat banjir dapat segera dirawat agar mereka boleh memulakan kehidupan harian seperti sebelum ini.

"Ini adalah selari dengan Agenda dan Fokus KPPT iaitu "Liveable Malaysia" atau Malaysia Berdaya Huni," jelasnya.

## Malaysia dalam fasa pemulihran COVID-19

DI sebalik dakwaan pihak tertentu kononnya kerajaan gagal mengawal wabak COVID-19, Malaysia mendapat pengiktirafan antarabangsa sebagai antara negara yang hampir pulih daripada pandemik tersebut.

Malaysia ketika ini berada di kedudukan ke-13 berbanding tempat ke-115 pada Ogos tahun lalu dalam senarai terbaru Indeks Pemulihran COVID-19 Nikkei atau *Nikkei's Covid Recovery Index*.

Menteri Kanan Pertahanan **Datuk Seri Hishammuddin Hussein** berkata, kedudukan itu menunjukkan bahawa Malaysia berada di landasan tepat menuju situasi lebih baik dan semakin hampir kepada pemulihran dengan jumlah kes COVID-19 yang rendah, kadar vaksinasi lebih baik serta langkah penjarakan sosial lebih longgar.

"Bagi pihak kerajaan khususnya Menteri Menteri Kuartet, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pihak terutama petugas barisan hadapan dan rakyat yang cekal, tabah, kuat semangat serta berdisiplin dalam melaksanakan segala usaha demi menangani penularan wabak ini termasuk mematuhi setiap prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan."

"Usaha baik ini mestilah berterusan dan kita tidak boleh cepat berpuas hati. Keutamaan kerajaan kini adalah menurunkan jumlah kes harian, meningkatkan kadar vaksinasi khususnya dos penggalak dan membawa negara ke Fasa 'Peralihan ke Endemik'.

"Ia bukan mudah namun kita berkemampuan untuk melaksanakannya dengan syarat semua pihak mestilah kkal berwaspada, terus mempunyai rasa tanggungjawab untuk mematuhi SOP, yakin dengan keberkesanannya vaksin termasuk dos penggalak, melakukan ujian pengesahan COVID-19 secara berkala dan mengamalkan TRIIS dengan sebaik mungkin," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

WK

Penduduk rumah teres Kampung Sungai Baru

# Tangguh sesi pendengaran kedua

AZLAN ZAMBRY

**JAWATANKUASA** Bertindak Pemilik Rumah Teres Kampung Sungai Baru, Kampung Baru menuntut se si pendengaran kedua Projek Pembangunan Semula Kampung Sungai Baru yang dijadualkan pada 19 sehingga 31 Januari ini oleh Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PTGWP) Kuala Lumpur, ditangguhkan.

Pengerusinya, **Lele Suzana Kudari** berkata, pihaknya terkejut apabila mengetahui sesi pendengaran itu tetap akan diteruskan meskipun Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berjanji untuk menangguhkan sesi tersebut bagi memberi laluan untuk berunding dengan kedua-dua belah pihak.

Jelasnya, tindakan itu selari dengan janji yang dibuat Shahidan ketika pertemuan bersama Jawatankuasa Bertindak pada 6 Disember 2021 yang lalu di pejabat menteri di Dewan Bandara

Kuala Lumpur (DBKL) dan janji yang sama telah dibuat oleh menteri tersebut pada sesi Kamar Khas Parlimen pada 13 Disember lalu.

“Janji Menteri Wilayah bahawa pembangunan semula Kampung Sungai Baru hanya boleh berlaku setelah pemilik dan pemaju bersetuju dengan kadar semasa dan berdasarkan situasi menang-menang kedua-dua pihak,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas sesi pertemuan tertutup dengan 37 pemilik rumah teres Kampung Sungai Baru di Kampung Baru pada Sabtu.

Menurut Lele Suzana, kadar pampasan untuk pemilik tanah mestilah setimpal dan mengikut harga nilai semasa kerana mereka mempunyai geran dan bukanlah penduduk setinggan.

“Jurunilai swasta yang dilantik telah menilai tanah Kampung Sungai Baru tidak kurang dari RM1,500 per kaki persegi dan tidak termasuk nilai bangunan di atas tapak tanah,” katanya.



LELE Suzana mahukan kadar pampasan untuk pemilik tanah setimpal dan mengikut harga nilai semasa.

itu.

“Prasarana telah mengambil beberapa lot tanah di kawasan Kampung Baru bagi pembinaan Transit Aliran Massa (MRT) dan

telah membayar pampasan lebih kurang RM1,250 per kaki persegi yang bertujuan untuk kegunaan awam.

“Transit Aliran Ringan (LRT) juga telah mengambil dua plot tanah di Kampung Sungai Baru dan membayar pemilik teres dengan nilai lemah kurang RM500 per kaki persegi pada akhir tahun 80-an,” katanya.

Lele Suzana turut mempertikaikan keupayaan syarikat pemaju Ritzy Gloss Sdn Bhd sebagai sebuah syarikat yang didakwa tidak mempunyai rekod di dalam pembangunan hartanah dan tidak mempunyai kapakanan dalam bidang tersebut.

Dalam pada itu, Timbalan Pengerusinya, Saiful Azhar Ibrahim mahu Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob dan Menteri Wilayah Persekutuan untuk campur tangan dalam menyelesaikan isu tersebut memandang kedua-dua pemimpin itu mempunyai kuasa untuk menghentikan kemelut tersebut. **WK**

## PKB nafi dakwaan Ahli Parlimen Shah Alam

SABRINA SABRE

**PERBADANAN** Pembangunan Kampung Bharu (PKB) menafikan dakwaan Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Abd Samad bahawa tiada pertemuan antara pemaju dan pemilik tanah Sungai Baru, Kampung Baru Kuala Lumpur bersama Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim bagi menyelesaikan isu berbangkit pengambilan tanah.

Menurut PKB, beberapa pertemuan dan rundingan susulan telah dilaksanakan di antara pihaknya, pemaju dan penduduk bagi mencari penyelesaian terbaik berhubung isu berbangkit.

“Susulan sidang media 4 Disember lalu berkenaan isu pampasan pemilik tanah atau Flat PKNS Sungai Baru oleh pemilik tanah, satu sesi perjumpaan Menteri Wilayah Persekutuan bersama pemilik telah diaturkan pada 6 Disember di Menara 1, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur serta perjumpaan Menteri Wilayah Persekutuan bersama pemaju pula diadakan pada 8 Disember.

“Hasil perjumpaan berkenaan, Menteri Wilayah Persekutuan telah meminta pemaju mengkaji semula tawaran atau pakej yang lebih baik untuk diberikan kepada pemilik bagi membantu mereka mendapat sebuah rumah dan wang tunai,” jelasnya bagi menjawab dakwaan dibuat Khalid Abd Samad pada 5 Januari lalu.

PKB memaklumkan pada 10 Disember, pemaju bersetuju menyediakan satu tawaran baru yang dinamakan Pakej Harmoni kepada pemilik unit flat yang telah diputuskan jumlah pampasan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKPTWPKL) pada



KENYATAAN Khalid berkenaan tiada pertemuan diadakan antara pemaju dan pemilik tanah Sungai Baru, Kampung Baru adalah tidak benar sama sekali.

sesi siasatan pengambilan tanah.

“Pakej Harmoni menawarkan sebuah unit kediamaan berkeluasan 900 kaki persegi yang bernilai RM300,000 dengan jumlah pampasan pengambilan tanah yang diterima pemilik flat dipulangkan separuh kepada pemaju.

“Sebagai contoh, pemilik yang menerima pampasan pengambilan tanah berjumlah RM250,000 boleh memiliki Pakej Harmoni ini dengan harga RM125,000 sahaja,” ujarnya.

PKB berkata, kediamaan itu akan dilengkapi tiga bilik tidur dan dua bilik air berserta satu petak tempat letak kereta manakala bagi Pakej Harmoni untuk pemilik teres akan ditawarkan semasa siasatan pengambilan tanah (*land enquiry*) yang akan diadakan kelak.

Sementara itu, PKB turut memaklumkan projek pembangunan semula dijangka mengambil masa 10 tahun dan akan dilaksanakan secara

berperingkat.

“Pendekatan pelaksanaan ini bagi memastikan aliran tunai pemaju mampu untuk menampung pelaksanaan pembangunan bagi plot-plot berikutnya dalam tempoh yang dinyatakan,” tambahnya.

Selain itu, ujar PKB, bermula 22 Disember 2021 hingga ke hari ini, KWP dan agensi termasuk PKB turut bekerjasama dengan negeri-negeri lain dalam membantu menyelamat, memindah serta menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir di Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Ia dilakukan atas dasar keprihatinan dan kemanusiaan Keluarga Malaysia.

“Ini termasuklah bantuan kepada warga Taman Sri Muda, Shah Alam Selangor yang terjejas teruk meliputi kerja-kerja pembersihan serta pemberian bakul makanan MyFood@ Wilayah,” katanya. **WK**

## Pembangunan rumah mampu milik PR1MA dua negeri dirancakkan semula

**PERBADANAN PR1MA** Malaysia (PR1MA) kembali merancakkan pembangunan projek rumah mampu milik di Kuala Lumpur dan Selangor yang diyakini mampu menggiatkan pemilikan rumah dalam kalangan M40.

Pengerusinya, **Datuk Dr Fathul Bari Mat Jahya** berkata, pembangunan projek rumah tersebut kini dirancakkan semula dengan sasaran tarikh yang baru meskipun pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dua tahun lalu menyebabkan proses pembinaan rumah perlahan dan terlewati.

“Kami ingin memberi peringatan kepada kontraktor dan konsultan untuk menyiapkan projek ini dengan sebaiknya mengikut perjanjian dimeterai serta kami tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan sewajarnya kepada mereka yang ingkar,” katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, terdapat tiga projek di Kuala Lumpur yang mana dua telah disiapkan dan satu masih dalam pembinaan manakala Selangor mempunyai lima projek iaitu dua di Kajang, Cyberjaya (dua) dan Bandar Bukit Mahkota (satu).

“Daripada jumlah projek di Selangor tersebut, tiga daripadanya telah siap manakala dua masih dalam pembinaan. Projek-projek ini dilaksanakan dengan matlamat untuk menyediakan kediamaan yang selesa, berkualiti dan berpatutan kepada rakyat Malaysia yang bermastautin di ibu kota dan kawasan sekitarnya,” ujar beliau.

Sementara itu, katanya, PR1MA sedang berusaha memastikan pelan mitigasi dua projek sakit iaitu Residensi Bandar Bukit Mahkota dan Residensi Brickfields untuk membantu rakyat terkesan akibat daripada penutupan sektor ekonomi ketika PKP berada dalam senarai keutamaan.

“Dua projek tersebut telah diberikan perhatian khusus dan langkah untuk menambah pekerja di tapak telah dilaksanakan untuk mempercepatkan proses penyiapan projek tersebut.

“Kedua-dua projek ini terletak di lokasi strategik dan ia mendapat sambutan yang memberangsangkan dari segi jualan yang mana Residensi Bandar Bukit Mahkota telah terjual sebanyak 77 peratus manakala Residensi Brickfields pula terjual sebanyak 95 peratus,” jelasnya lagi. **WK**

Rumah 39 tahun hangus sekelip mata

# “Saya, ayah hampir dimamah api” - Kumari

DIANA AMIR

**S**EDANG insan lain lena diulit mimpi, lima buah keluarga di rumah panjang Bukit Kiara Kuala Lumpur bertarung nyawa menyelamatkan diri, apabila kediaman mereka terbakar.

Kebakaran yang memusnahkan 100 peratus kediaman lima keluarga itu berlaku dengan pantas berikutnya rumah papan yang dibina telah berusia hampir 40 tahun.

Berkongsi detik cemas itu, **L Krishna Kumari**, 61, berkata, ketika kejadian, dia sekeluarga hampir terperangkap dalam kebakaran kerana gagal menemukan kunci rumah berikutnya api marak dengan cepat.

“Sejurus dikejutkan dengan deruan ketukan pintu daripada jiran, saya mencari kunci rumah tetapi gagal menemukannya.

“Api yang marak membuatkan saya merjerit meminta bantuan untuk menyelamatkan diri serta ayah yang sedang terlantar sakit dan tidak boleh bangun,” katanya yang pada awalnya menyangkakan bunyi bising adalah disebabkan pergaduhan.

Berikutnya kejadian itu, saksi utama, **P Selvakumar**, 32, memanggil jiran tetangga untuk membantu membawa keluar ayah Krishna yang terperangkap.

“Melihat mangsa mengalami kesukaran tersebut, kami mengambil keputusan untuk memecahkan pintu rumahnya demi menyelamatkan nyawa mereka.

“Suasana pada ketika itu sangat panik dan kami bernasib baik ker-



**KEADAAN** asal rumah panjang, Bukit Kiara sebelum kebakaran berlaku pada Ahad lalu.



**PASUKAN** Bomba dan Penyelamat (BBP) TTDI, Hartamas dan Sentul sedang memadamkan kebakaran lima buah rumah terjejas di Blok K.

ana pihak bomba hanya mengambil masa 10 minit, kalau lambat mungkin ia akan memusnahkan lima buah rumah lain,” kongsinya yang hanya mahu menyelamatkan nyawa penduduk ketika itu.

**K Supramaniam**, 60, turut berkongsi cerita memberitahu, kejadian berlaku ketika seluruh ahli keluarganya sedang tidur.

“Tiba-tiba saya terdengar bunyi letupan yang kuat dan ada jiran datang mengetuk pintu rumah mengarahkan untuk mengosongkan rumah.

“Ketika itu baru saya sedar yang rumah ini sedang terbakar dan keadaan ketika itu sangat panas berikutnya api sedang marak. Jadi kami sekeluarga terus keluar tan-

pa sempat membawa satu barang pun,” katanya yang menganggarkan kerugian dialami sebanyak RM12,000.

Supramaniam berkata, kediamaninya selama 39 tahun itu menyimpan pelbagai memori suka dan duka di mana setiap barang di dalam rumah tersebut mempunyai kenangannya tersendiri.

“Barang-barang untuk Thaipusam juga habis terbakar. Saya ada beli barang sembahyang di Indonesia dahulu dan sukar untuk dapatkan barang itu semula memandangkan tidak dijual lagi tadi itu pun sudah hangus.

“Mungkin bagi orang lain perkara itu biasa sahaja tetapi tidak bagi saya kerana hanya saya tahu

nilai barang tersebut. Gambar-gambar turut hangus dan tiada ganti,” ujarnya sebak.

Jelas saksi utama, kebakaran disedari apabila dirinya keluar rumah dan terlihat seakan lampu berwarna oren di kawasan kejadian.

Atas dasar ingin tahu, dia berjalan ke arah Cahaya tersebut dan melihat sebuah rumah sedang terbakar sebelum mengarahkan penduduk lain menyelamatkan diri.

Terdahulu, kebakaran yang berlaku pada malam Ahad itu telah memusnahkan lima buah unit rumah panjang, blok K di Jalan Mohd Fuad, Taman Tun Dr Ismail manakala satu unit terjejas kerana

## INFO RUMAH PANJANG BUKIT KIARA

**Mula dibina:**  
1983

**Bilangan rumah:**  
100 unit

**Keluasan:**  
4 ekar yang terletak atas sebahagian tanah milikan YWP

**Saiz rumah:**  
650 kaki persegi

digunakan untuk proses pemadam api.

Walaubagaimanapun, tiada kemalangan jiwa di laporkan dan punca kebakaran masih dalam sidatan. **WK**

## Mangsa kebakaran rumah panjang Bukit Kiara terima bantuan YWP

SABRINA SABRE

**PRIHATIN** dengan nasib mangsa kebakaran di rumah panjang Bukit Kiara Kuala Lumpur, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) tampil menyalurkan sumbangan wang tunai kepada para mangsa.



**ZAIZALNIZAM**

bat,” katanya ketika dihubungi **Wilayahku**.

Selain itu, katanya, YWP turut menyerahkan bakul makanan, toto, bantal dan kelengkapan lain buat mangsa yang kini menumpang di rumah jiran berhampiran.

Mengulas lanjut, ujar beliau, pihaknya dengan kerjasama kontraktor terlibat akan menilai bantuan tambahan yang boleh disalurkan kepada mangsa termasuk membina semula tempat tinggal yang baharu.

“Kita sedia beri bantuan sepenuhnya. Sekurang-kurangnya membina tempat tinggal baharu yang lebih selesa untuk mereka.

“Insya-Allah pada minggu hadapan, YWP akan gerakkan tim untuk bersihkan kawasan tersebut dan baiki rumah yang terjejas,” tambahnya yang sentiasa komited dalam memastikan warga Wilayah Persekutuan mendapat bantuan dan perkhid-



**STRUKTUR** rumah panjang daripada papan mengakibatkan kebakaran merebak dan memusnahkan 100 peratus lima unit rumah.

matan terbaik.

### PEMBANGUNAN SEMULA DALAM BULANINI

DALAM pada itu, Zaizalnizam

berikan manfaat kepada mereka yang mana kesemuanya akan menerima rumah mampu milik di kawasan tersebut.

“Penduduk rumah panjang akan menerima rumah secara percuma untuk generasi pertama, manakala generasi kedua pula akan mendapat rumah dengan harga RM175,000 iaitu diskon sebanyak 50 peratus daripada harga rumah.

“Hal ini kerana mereka telah lama bertapak di situ iaitu selama 39 tahun. Pembinaan yang dibuat secara ‘in-situ’ adalah paling sesuai untuk mereka,” ujar beliau.

Dalam masa sama, Zaizalnizam memberitahu, pihaknya sedang menunggu keputusan mahkamah untuk membenarkan pembinaan pembangunan semula di tapak kawasan tersebut dijalankan pada bulan ini.

“Saya berharap kita mendapat kebenaran untuk meneruskan pelaksanaan perintah yang telah kita dapat kelulusan daripada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebelum ini,” ujarnya. **WK**

# Lesen Sementara KL Prihatin perlu diperbaharui

DIANA AMIR

**D**EWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meminta peniaga yang masih aktif untuk memperbaharui Lesen Sementara KL Prihatin.

DBKL dalam kenyataannya mакlumkan Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga untuk penjaja Lesen Sementara KL Prihatin telah tamat pada 31 Disember lalu.

"Walau bagaimanapun, inisiatif tersebut telah dilanjutkan mulai Januari 2022 sehingga Jun ini.

"Susulan itu, penjaja yang masih aktif menjalankan aktiviti perniagaan dikehendaki untuk mencetak semula lesen yang baharu bagi tujuan pembaharuan lesen," katanya.

Jelasnya dalam tempoh inisiatif ini dilaksanakan tiada bayaran fi lesen dikenakan buat penjaja yang memohon.

"Penjaja-penjaja yang telah memperolehi lesen tidak perlu mengemukakan permohonan baru.

"Bagi urusan pembaharuan dan panduan cetakan lesen boleh



PENJAJA di bawah Lesen Sementara KL Prihatin dikehendaki mencetak lesen baharu susulan inisiatif tersebut telah dilanjutkan sehingga Jun 2022.

dilakukan dengan melayari laman sesawang <https://elesen.dbkl.gov.my/>, tambahnya.

Lesen Sementara KL Prihatin adalah di bawah Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga yang dilancarkan pada 10

November 2020.

Inisiatif Wilayah Bebas Niaga bermula pada 15 November 2020 sehingga 31 Disember 2021 dan telah dilanjutkan mulai Januari 2022 sehingga Jun 2022. WK

## Yayasan Taqwa sumbang RM148,000 untuk UIAM

**MAJLIS Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)** melalui Yayasan Taqwa telah memperuntukkan sebanyak RM148,000 untuk membantu program pendidikan di bawah pengendalian dua buah anak syarikat Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) iaitu IIUM Education Division dan IIUM Holdings Sdn Bhd (IIUM Education).

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Taqwa, **Zabidi Nasan** berkata, program tersebut adalah tajaan pembiayaan pendidikan kepada pelajar antarabangsa Kolej Islam Antarabangsa (IIC) yang beragama Islam, tidak berkemampuan serta mengalami masalah kewangan untuk melanjutkan pelajaran.

"Bagi program pertama, tajaan ini adalah khusus untuk 24 pelajar antarabangsa warganegara Myanmer yang sedang mengikuti Diploma Teknologi Maklumat di Kolej Islam Antarabangsa (IIC) dan ia merupakan tanda pihak MAIWP mengambil berat kerana keadaan masyarakat muslim yang kurang bernasib baik.



PENGURUS Yayasan Taqwa-MAIWP, Datuk Razali Shahabudin menyerahtakan mock cheque kepada Pengerusi IIUM Education, Mohd Khair Ngadiron baru-baru ini.

"Yayasan Taqwa turut menyalurkan bantuan pembiayaan kepada IIUM Educate bagi menjayakan Program Hebat Baca Bahasa yang menyasarkan kanak-kanak berumur lima dan enam tahun dari keluarga B40 dan asnaf yang mempunyai masalah membaca," katanya dalam sidang media Majlis Apresiasi Tajaan Pembiayaan Pendidikan Oleh Yayasan Taqwa kepada IIUM

Education di ibu negara baru-baru ini.

Pihak YT-MAIWP turut menyumbangkan 'Kotak Kegembiraan' yang mengandungi sebuah laptop, set meja belajar, alat tulis dan buku bagi memberi mereka motivasi untuk belajar lebih tekun dan mempersiapkan diri sebelum memasuki alam persekolahan darjah satu.

Dalam pada itu, Pengerusi IIUM Education, Mohd Khair

Ngadiron berkata, 24 pelajar Myanmer ini dipilih berdasarkan kepada kriteria tertentu termasuklah mudah mendapat peluang pekerjaan selepas mereka menamatkan pengajian di IIC.

"Dalam keadaan semua perkara telah ke arah pendigitalan, tajaan ini akan bermanfaat kepada pelajar-pelajar ini kerana kursus yang mereka sertai ini memudahkan mereka kerana bidang Teknologi Maklumat (IT) ini mendapat permintaan dan peluang pekerjaannya sentiasa ada.

"Sumbangan ini akan memastikan mereka meneruskan pembelajaran dengan sempurna dan selepas mereka berjaya mendapat peluang pekerjaan, mereka dapat membangunkan umat Islam di negara mereka," katanya.

Tambahnya, pihak IIC juga bakal memeterai kerjasama strategik dengan International Intellectual College of Myanmar bagi memastikan pembangunan umah terutama dalam bidang Teknologi Maklumat berkembang di serata dunia. WK

### SIDANG REDAKSI

#### PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz  
[azlanaziz@yayasanwp.org.my](mailto:azlanaziz@yayasanwp.org.my)

#### PENGARANG KANAN

Helme Hanafi  
[helme.hanafi@gmail.com](mailto:helme.hanafi@gmail.com)

#### PENOLONG PENGARANG

Nazwin Izan Ahmad Nazri  
[winwilayahku@gmail.com](mailto:winwilayahku@gmail.com)

### WARTAWAN KANAN

Azlan Zambray  
[azlanwilayahku@gmail.com](mailto:azlanwilayahku@gmail.com)  
Aini Roshidah Ahmad Mawawi  
[ainiwilayahku@gmail.com](mailto:ainiwilayahku@gmail.com)

### WARTAWAN

Khairul Idin  
[khairulwilayahku@gmail.com](mailto:khairulwilayahku@gmail.com)  
Deel Anjer  
[deelanjer0@gmail.com](mailto:deelanjer0@gmail.com)

### Sabrina Sabre [sabrinawilayahku@gmail.com](mailto:sabrinawilayahku@gmail.com)

Hazirah Halim  
[hazirahwilayahku@gmail.com](mailto:hazirahwilayahku@gmail.com)  
Diana Amir  
[dianawilayahku@gmail.com](mailto:dianawilayahku@gmail.com)

### GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid  
[lemandecaprio@gmail.com](mailto:lemandecaprio@gmail.com)  
Mohd Affandy Annuar  
[affandywilayahku@gmail.com](mailto:affandywilayahku@gmail.com)

Fauzi Taib  
[adhamfauzi05@gmail.com](mailto:adhamfauzi05@gmail.com)

**JURUFOTO & VIDEO**  
Mohd Aminullah Farij Hasan  
[aminwkvt@gmail.com](mailto:aminwkvt@gmail.com)  
Nooreeza Hashim  
[nooreeza.hashim.wilayahku@gmail.com](mailto:nooreeza.hashim.wilayahku@gmail.com)  
Muhammad Syuqqree Mohd Dain  
[syuqqreewilayahku@gmail.com](mailto:syuqqreewilayahku@gmail.com)

### KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir  
[fatiyah@yayasanwp.org.my](mailto:fatiyah@yayasanwp.org.my)  
Nurul Hazwani Haslan  
[nhmm8686@gmail.com](mailto:nhmm8686@gmail.com)

**OPERASI & PEMASARAN**  
Roslee Hanafi  
[roslee@yayasanwp.org.my](mailto:roslee@yayasanwp.org.my)

## CERITA KEDAI KOPI

### Yayasan WP adil, telus

APABILA banjir melanda, ia tidak mengira agama, bangsa atau keturunan. Semuanya terpalit dan sama-sama susah. Begitu juga air melimpah dan mengalir deras tidak memilih siapa jadi mangsa. Juga tidak memilih harta benda untuk dihanyut atau dirosakkan.

Kerana itu juga bantuan yang diberi untuk mangsa banjir tidak memilih siapa atau apa pegangan politik mereka. Pada waktu susah dan sebagai anggota 'Keluarga Malaysia', semuanya dibantu sama rata sama rasa.

Kerana itu kawan-kawan Kedai Kopi memahami perasaan kecewa Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), Datuk Zaizalmizam Zainun, apabila ada dakwaan menyatakan yayasan itu bersikap pilih kasih ketika membuat bancian ke atas mangsa banjir di Kampung Pasir Baru, Lembah Pantai baru-baru ini bagi penyaluran Bantuan Wang Ihsan (BWI).

Senarai penerima telah disahkan terlebih dahulu oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebelum agihan dibuat. Ertinya YWP tidak terlibat dalam proses membuat bancian. Kerana itu andaian ia memilih bulu jelas tidak benar.

Bagaimanapun mangsa yang mungkin terlepas daripada bancian, boleh menghubungi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) di kawasan masing-masing untuk semakan semula.

Jika benar-benar layak dan terlepas pendaftaran, peluang untuk mendapatkan bantuan masih terbuka. Kawan-kawan Kedai Kopi percaya YWP akan mengambil tindakan wajar dengan segera.

Janganlah hanya kerana ada seorang dua terscirik maka dijadikan isu bahawa YWP mengamalkan pilih kasih. Ini boleh memberi imej kurang baik kepada yayasan itu yang sentiasa berusaha membantu warga Wilayah Persekutuan.

Selama ini yayasan begitu aktif membantu warga WP dalam pelbagai bidang. Pelajar sekolah diberi bantuan kewangan dan bimbingan percuma sebagai persediaan menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Selain itu biasiswa ditawarkan kepada pelajar baharu yang layak untuk mengikuti pengajian di menara gading, di samping bantuan permulaan pelajar untuk memulakan pengajian.

Yayasan juga membantu golongan belia mencebur diri dalam perniagaan dengan menambah kios perniagaan. Ini sebagai tambahan kepada lebih 1,000 kios yang disediakan Kementerian Wilayah Persekutuan di seluruh wilayah.

Syabas kepada YWP dan pengurusnya yang menjalankan tugas dengan baik. Usaha bakti ini banyak memberi manfaat dalam mensejahtera dan memajukan warga WP.

### Mengauumlah Harimau Malaya!

HEBAT juga isu kegagalan pasukan bola sepak negara dalam kempen Piala AFF Suzuki 2020 di Singapura baru-baru ini. Persatuan Bola sepak Malaysia (FAM) menubuhkan jawatankuasa bebas untuk melakukan bedah siasat atau postmortem kegagalan tersebut.

Bekas pemain kebangsaan dan bekas Setiausaha Agung FAM, Datuk Dell Akbar Khan dilantik sebagai pengerusi. Dengan kedudukannya dalam FAM sebelum ini dan sebagai bekas pemain kebangsaan, mantan Ketua Polis Kuala Lumpur itu diberi kepercayaan 'menyiasat' apa sebenarnya yang berlaku di Singapura sehingga pasukan negara gagal walaupun untuk ke separuh akhir.

Jawatankuasa tersebut akan bersidang sebaik sahaja laporan penuh prestasi Harimau Malaya diterima daripada FAM, yang antaranya mengandungi rumusan jurulatih dan pengurus pasukan.

Kawan-kawan Kedai Kopi yang rata-rata pemintar bola sepak negara, berharap jawatankuasa berkenaan akan berjaya mencungkil punca utama prestasi hambar Harimau Malaya.

Namun kawan-kawan Kedai Kopi tidak setuju bedah siasat itu nanti hanya memfokus kepada menudung jari atau menyalahkan orang-orang tertentu. Jurulatih Harimau Malaysia, Tan Cheng Hoe, telah pun meletakkan jawatan kerana mengambil tanggungjawab di atas prestasi hambar Malaysia.

Ini seolah-olahnya memberi gambaran beliau sahaja yang memikul tanggungjawab terhadap prestasi Malaysia.

Kerana itu jawatankuasa bedah siasat diharap mampu mengenal pasti kelemahan pasukan dalam cabaran Piala AFF Suzuki 2020 dan mengesyorkan cadangan memantapkan pasukan negara agar kembali gagah seperti era 60-an dan 70-an. Mengauumlah Harimau Malaya!



KU SEMAN KU HUSSAIN  
Wartawan Bebas

14 - 20 JANUARI 2022

**Wilayah Ku**  
MEDIA WARDA KOTA

**W**ALAUPUN menara tertinggi di dunia pernah berada di Kuala Lumpur, tetapi kesedaran sivik sebahagian dalam kalangan rakyat khususnya warga kota ini masih rendah. Kebersihan, kepedulian alam sekitar dan menjaga harta awam masih menjadi isu tertunggak. Belum dilangsaikan sejak lama dulu.

Pengalaman sebagai warga kota selama hampir empat dekad menyakinkan saya untuk menyimpulkan bahawa kesedaran sivik daripada generasi kepada generasi tidak berubah. Tahapnya masih rendah malah hampir sama dengan empat dekad lalu ketika saya mula-mula menjelajah kaki ke kota ini.

Walaupun prasarana Kuala Lumpur memperlihatkan peningkatan yang begitu drastik, tetapi tahap kesedaran sivik warganya masih rendah. Ia tidak ikut berkembang setanding dengan pembangunan fizikal yang sangat pesat.

Dengan meningkatnya status sosial dan ekonomi, kesedaran sivik juga sepatutnya sudah jauh berubah. Bagaimanapun perkara itu tidak berlaku dan yang kelihatan di sebalik kemodenan Kuala Lumpur ada kemunduran daripada segi sikap sesetengah warganya.

Saya berani berkata, sekiranya semua tukang sapu dan pengangkut sampah melancarkan mogok selama seminggu, Kuala Lumpur akan penuh dengan sampah. Tidak semua warga kota boleh menguruskan diri untuk membuang sampah di tempatnya.

Menjaga kebersihan dan harta awam adalah sebahagian daripada prasyarat budaya nilai tinggi yang menjadi pemacu sebenar negara maju. Kalau masih ada sesetengah dalam kalangan warga yang tidak endah dengan kebersihan dan harta awam, Kuala Lumpur masih belum maju, walaupun bangunannya tertinggi di dunia.

Kalau dibandingkan dengan beberapa bandar raya lain di dunia, kemajuan sebenar bukanlah pada aspek fizikal atau ekonomi semata-mata, tetapi dari sudut budaya nilai tinggi. Menjaga kebersihan dan harta awam menjadi suatu yang penting untuk maju dan kelihatan maju.

Tetapi sikap warga Kuala Lumpur membuatkan kemajuan dalam erti kata sebenar tidak dapat dicapai. Masih agak jauh untuk mencapai tahap bandar

# Kesedaran sivik warga KL



TAHAP kesedaran sivik yang cetek/rendah dalam kalangan warga KL menyukarkan ia dibawa keluar daripada belenggu kemunduran. - Gambar sebelum pandemik.

raya maju seperti banyak kota lain di dunia.

Tahap kesedaran sivik menjadi halangan dan ini dibuktikan dengan pengabaian kebersihan, tidak amanah menjaga harta awam dan rendah kepedulian terhadap alam sekitar.

Kebersihan menjadi masalah utama Kuala Lumpur. Sejak dulu hingga sekarang masih terdapat warga yang tidak mengadaptasi kehidupan selari dengan kedudukan Kuala Lumpur. Banyak yang masih terbawa-bawa sikap dan pemikiran di kawasan setinggan yang tidak endah akan kebersihan.

Buktinya setiap kali sambutan tahun baru dan malam ulang tahun kemerdekaan, banyak kawasan tumpuan utama di pusat bandar dibanjiri sampah sarap. Dataran Merdeka yang menghijau dan bersih pada petangnya bertukar menjadi banjir sampah selepas tengah malam.

Padang yang luas itu penuh dengan sampah sarap pembalut burger, gelas kertas dan bekas minuman dalam tin. Ini adalah pemandangan biasa selepas acara menyambut tahun baru atau ulang tahun kemerdekaan. Sungguh ironi, tahun baru yang kekal dengan sikap lama.

Bukan sahaja Dataran Merdeka malah di jalan-jalan sekitar Bukit Bintang yang menjadi tumpuan warga kota. Di situ tin-tin bir berselerak di kaki lima selain kertas pembalut burger. Semua pemandangan bukanlah suatu yang luar biasa selepas sambutan tertentu.

Kesedaran sivik menjadi asas penting sesebuah negara

maju. Tanpa kesedaran sivik, prasarana berkelas dunia sekali pun tidak dapat dinikmati dengan sepenuhnya. Kebersihan pula tidak diambil endah sebagai tanggungjawab semua, bukan pihak berkuasa semata-mata.

Di banyak negara yang belum membangun, selain tidak amanah, rakyatnya tidak ada kesedaran sivik. Inilah yang menjadi penghalang untuk membawa masyarakat keluar daripada belenggu kemunduran. Menjaga kebersihan dan pemeliharaan alam sekitar bukan sahaja tugas kerajaan, tetapi semua dalam kalangan rakyat.

Budaya nilai tinggi mendorong setiap ahli masyarakat melaksanakan tanggungjawab masing-masing terhadap negara. Bagaimanapun kita berdepan dengan sikap mementingkan diri dalam soal menjaga kebersihan terutama di tempat awam. Malah napisnya rasa memiliki terhadap harta awam.

Inilah masalah sebenar sesetengah dalam kalangan kita. Diberikan prasarana bertaraf dunia tetapi penggunaannya masih mempunyai mentaliti dunia ketiga. Alam yang cantik dan mempesona itu tidak boleh dihayati dan dilestari. Perosak harta awam adalah mereka dalam kalangan yang mundur.

Sungai di Kuala Lumpur juga berdepan masalah yang sama disalah guna sebagai tong sampah terutama oleh warga yang tinggal berdekatan laluan utama air itu. Belum lagi sikap tidak bertanggungjawab sesetengah pemaju yang mengakibatkan dasar sungai menjadi semakin

**“Kebersihan menjadi masalah utama Kuala Lumpur. Sejak dulu hingga sekarang masih terdapat warga yang tidak mengadaptasi kehidupan selari dengan kedudukan Kuala Lumpur. Banyak yang masih terbawa-bawa sikap dan pemikiran di kawasan setinggan yang tidak endah akan kebersihan.**

cetek.

Sebelum diadakan projek River of Life, Sungai Gombak dan Sungai Kelang di tengah Kuala Lumpur kerap mengapungkan sampah sarap apabila hujan lebat di hulu. Kedua-dua sungai ini adalah ikon Kuala Lumpur. Bagaimanapun menjadi sungai sampah kerana sikap sesetengah warganya.

Alam dan manusia sebenarnya bertimbang balik antara satu dengan lain. Manusia menyedut keindahan alam dan memulangkan kecantikan pekerti pada alam. Kalau hanya pandai menyedut keindahan, tetapi tidak berpekerji, hubungan menjadi tempang dan sumbang.

Dalam konteks yang luas, semua dalam kalangan kita wajar bertanya bertambah baikkah kualiti udara dan air? Apakah sumbangan kita dalam memulihara alam sekitar? Cukup dan memadaikah aspek perundangan dalam melindungi alam sekitar?

Tetapi ternyata perundangan sahaja belum cukup kalau tidak disertai dengan perubahan sikap. Kerosakan alam sekitar dapat dilihat pada kualiti air di dua sungai yang membelah Kuala Lumpur itu. Selain tidak membuang sampah pada tempat yang disediakan, kerosakan alam sekitar adalah masalah yang serius.

Alam sekitar telah diangkat menjadi salah satu daripada tujuh elemen keselamatan manusia menerusi Laporan Pembangunan Manusia 1994 dalam Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP).

Maknanya pelestarian alam sekitar sama pentingnya keselamatan

ekonomi, makanan, kesihatan, keselamatan peribadi, keselamatan komuniti dan keselamatan politik.

Kemusnahan alam sekitar memberikan ancaman dan bencana yang berterusan kepada kehidupan manusia. Kita mesti menginsafi hal ini kerana persekitaran mempunyai kesan yang besar khususnya tahap kesihatan dan kualiti hidup. Banjir yang melanda Kuala Lumpur baru-baru ini salah satu daripada kesannya.

Udara daripada alam sekitar yang tercemar, pelepasan gas kenderaan bermotor dan industri memberi kesan terhadap sistem pernafasan manusia. Bahan pencemar udara seperti ozon, logam dan radikal bebas pula diketahui berupaya merosakkan sel-sel tisu paru-paru.

Maka kita wajar kembali bersahabat dengan alam. Jaga kelestarian alam dan tidak mencemar dengan sampah sarap.

Jadikan air anak sungai yang dingin tempat anak-anak kita mandi-manda bebas daripada sebarang pencemaran, semoga terus selamat dinikmati oleh orang lain selepas kita.

Hidup ini satu kesinambungan, sesuatu yang kita lakukan tidak semestinya untuk diri sendiri.



## MENULISKAN HARAPAN BARU

Meski tangis belum kunjung mengering Kesunyian menyelinap dalam bayang Perginya orang-orang tersayang Bumi belum sepenuhnya kembali riang Tetap kutuliskan sejumput harapan Kelak akan menjadikannya kenangan Menyatakan hati senantiasa berjuang

Meski luluh segala rasa dalam hati Memporak-perandakan segala emosi Air mata mengalir membasihi pipi Namun, terus kutuliskan harapan Doa-doa yang terpendam diam Mulailah tumbuh menjadi benih Harapan baru akan segera diraih

Meski kutemui lagi segala kenang Kisah masa lampau mengenang Ceritaku hari ini akan panjang Menuliskan harapan baru terbentang Segenap duka menjadi tenaga Melangkah setapak demi setapak Menguatkan hati agak tak retak

**De Eka Putraka**  
Bukittinggi, Sumbar

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



**SERTAI SALURAN TELEGRAM**  
**Wilayah Ku**  
**UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!**



# Tangguh umrah elak mudarat diri

**D**ITELAN mati emak, diluah mati bapa'. Beginilah situasinya apabila urusan ibadah umrah digantung berkuat kuasa mulai 8 Januari. Bagi pihak jemaah dan agensi pengendali umrah, penangguhan dianggap menyusah dan merugikan.

Bagi pihak kerajaan pula, ia perlu dilakukan demi melindungi nyawa para jemaah dan mengelakkan mereka daripada jangkitan COVID-19, terutama varian Omicron, yang dikesan meningkat dalam kalangan jemaah yang pulang dari Mekah.

Adi percaya ramai jemaah dari Wilayah Persekutuan turut terkesan dengan penangguhan ini. Namun kerajaan bukan mengambil langkah drastik tersebut untuk menyusahkan jemaah atau agensi umrah, tetapi mengelakkan kes Omicron meningkat di negara ini.

Pada hemat Adi, penangguhan bukan dibuat sesuka hati. Larangan adalah untuk ibadah umrah mulai 8 Januari sehingga diberitahu kelak. Jemaah yang telah mendaftar untuk ke tanah suci dari 1 hingga 7 Januari dibenar berlepas mengikut jadual, tetapi perlu menjalani kuarantin apabila kembali.

Ini telah dilaksana ke atas jemaah yang balik mulai 3 Januari lalu. Mereka perlu menjalani kuarantin wajib di stesen kuarantin atau hotel yang ditetapkan. Kuarantin di rumah tidak dibenarkan.

Memetik Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar, kerajaan akan memantau dan membuat penilaian berkala berhubung situasi COVID-19 membabitkan varian Omicron di dalam dan luar negara, khususnya Arab Saudi. Hasil penilaian akan menjadi penentu waktu sesuai membenarkan semula umrah.

Bagi Adi, rakyat mesti memahami apa yang tersirat di sebalik langkah kerajaan, iaitu untuk mengurangkan risiko penularan Omicron dan mengekang peningkatan kes berkenaan dalam negara. Gelombang Omicron ialah realiti yang akhirnya akan sampai ke seluruh dunia.

Di Amerika, hampir setengah juta kes harian direkod dan di United Kingdom pula lebih 200,000. Malaysia tidak mahu gejala buruk menimpa negara. Di Arab Saudi sendiri, negara itu merekodkan 4,778 jangkitan baharu COVID-19 pada Isnin lalu dengan dua kematian.

Kerana itu langkah pencegahan diambil agar varian tidak menyerang Malaysia dengan mendadak. Penangguhan umrah adalah



**KERAJAAN** mengambil langkah menangguhkan urusan ibadah umrah jemaah Malaysia sebagai 'tempoh bertenang'.

'tempoh bertenang'. Kerajaan boleh menggunakan waktu ini membuat perancangan dan persiapan rapi berhubung urusan umrah sebelum ibadah itu disambung kembali.

Kes Omicron telah dikesan di kalangan beberapa orang jemaah yang balik dari tanah suci. Kes awal melibatkan pasangan suami isteri dari Johor yang pulang melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 16 Disember lalu (2021).

Pada 25 Disember, seorang jemaah dari Melaka pula disahkan positif varian tersebut. Pada 27 Disember, dua jemaah dari Pulau Pinang disahkan positif, diikuti satu kes jemaah dari Perak pada 28 Disember.

Adi difahamkan, sehingga 31 Disember, sejumlah 32 kes jangkitan varian Omicron dicatatkan di kalangan jemaah umrah yang kembali ke tanah air. Yang sangat dikesali ialah ada di antara jemaah ini menipu sijil vaksinasi untuk

ke tanah suci. Sungguh tidak bertanggungjawab perbuatan ini.

Kerana itu memang wajar kerajaan menghentikan umrah untuk sementara waktu bagi mengekang aliran jangkitan. Apa yang dilakukan oleh kerajaan ialah usaha dan ikhtiar. Mencegah sebelum parah.

Segala masalah berbangkit atau kerugian yang ditanggung bakal jemaah dan agensi umrah, boleh dibincang dengan pihak kerajaan untuk mencari penyelesaian menang-menang. Ini termasuk penjadualan semula perjalanan dan sebagainya.

Umrah adalah amalan sunat, dan dalam keadaan biasa mereka yang mampu memang dituntut untuk mengerjakannya. Namun ketika berhadapan risiko yang boleh memudarkan diri, wajar ia ditangguh. Anggaplah ia ketentuan Allah yang pasti ada hikmahnya.

**Adi—Sudah tunai umrah**

## SKETSA



**“Bagi Adi, rakyat mesti memahami apa yang tersirat di sebalik langkah kerajaan, iaitu untuk mengurangkan risiko penularan Omicron dan mengekang peningkatan kes berkenaan dalam negara. Gelombang Omicron ialah realiti yang akhirnya akan sampai ke seluruh dunia.**

**HAD LAJU 30 KM SEJAM DI KUALA LUMPUR**

JIKA kajian yang dijalankan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) mencapai keputusan muktamad dan direalisasikan, had kelajuan di beberapa bahagian bandar raya akan ditetapkan antara 30 hingga 50 kilometer sejam.

Adi difahamkan perkara ini dibincangkan dalam kunjungan hormat Pengerusi MIROS, Datuk Suret Singh dan Ketua Pengarah, Datuk Dr Khairil Anwar Abu Kassim ke atas Datuk Bandar, Datuk Seri Mahadi Che Ngah baru-baru ini.

Memetik Suret Singh, DBKL dan MIROS berazam menjadikan had laju ini realiti. Ketika ini tiada had laju ditetapkan di bandar raya. Justeru jika dilaksanakan kelak ia dapat membendung pemandu memandu sesuka hati dalam kawasan zon ditetapkan, sebaliknya mesti mematuhi had laju.

Kemungkinannya zon had laju akan dikuat kuasa di kawasan yang sibuk atau sesak bagi memastikan kelancaran pergerakan lalu lintas. Pihak DBKL dan MIROS akan bekerjasama mengenal pasti kawasan dan jalan-jalan berkenaan.

Tentu ramai beranggapan had laju antara 30 hingga 50 kilometer sejam sangat perlahan. Namun sedar atau tidak, dalam kesesakan lalu lintas di bandar raya, khususnya ketika waktu puncak, pergerakan kenderaan memang merangkak, malah di bawah 30 kilometer sejam.

Kerana itu bagi Adi, had laju yang dicadangkan dianggap munasabah, dengan memberi kelonggaran sehingga 50 kilometer sejam jika keadaan jalan tidak sesak. Sebenarnya memang tidak wajar pun memandu laju dalam bandar raya. Dengan penetapan zon laju, pergerakan lalu lintas dapat dikawal dengan lebih sistematis.

Selain kerjasama dengan DBKL, MIROS juga dalam proses memuktamadkan cadangan menetapkan had laju seragam 30 kilometer sejam di kawasan bandar raya dan bandar,

kawasan kediaman dan kawasan kampung seluruh negara. Ini merupakan sebahagian daripada rancangan keselamatan jalan raya kebangsaan 2022-2030.

MIROS juga membincangkan dengan DBKL mengenai kemungkinan berkongsi data dan rekod trafik. Aspek ini antaranya akan melibatkan rakaman CCTV mengenai kesalahan-kesalahan lalu lintas dilakukan oleh pemandu di bandar raya.

Malaysia adalah antara negara yang mengesahkan 'Deklarasi Stockholm' mengenai keselamatan jalan raya, dengan 18 resolusi dikemukakan dalam persidangan global menteri berkaitan pada Februari 2020.

Para menteri dalam persidangan tersebut sekata berazam mengurangkan hingga separuh angka kematian di jalan raya menjelang tahun 2030.

Sehubungan itu kadar kelajuan 30 hingga 50 kilometer sejam dianggap sebagai 'norma baru' di kawasan di mana terdapat ramai pengguna, baik penunggang motosikal, pemandu kereta atau pejalan kaki.

Adi melihat apa yang cuba dilakukan oleh DBKL dan MIROS ini adalah melaksanakan ketetapan 'Deklarasi Stockholm' yang dirasakan memang sesuai dilaksanakan di Kuala Lumpur. Ia adalah satu solusi yang boleh membantu masalah lalu lintas di ibu negara.

Tugas warga kota ialah mematuhi peraturan ini apabila ia berkuat kuasa kelak. Kuala Lumpur semakin sesak dengan kenderaan dan perlu ada penyelesaian ke arah ini. Terimalah dengan positif untuk kebaikan bersama.

**Adi—Biar lambat asal selamat**

*Adi Taib*

## SAJAK

**SKETSA DI LUAR JENDELA**

Melalui jendela yang terbuka  
aku melukiskan sketsa  
di luar jendela  
siang pun bermanja  
pantulan cahaya berkaca

dijadikan penerang kalbu  
menerangkan jiwa kelabu  
bukanlah aku bencikan kilauan  
ku biarkan angin mendera  
getar datang bergemerisik  
menggugurkan daun-daun  
delusi ke laman yang pasrah!

**Ismail Hashim**  
Warisan Puteri, N. Sembilan

Yayasan Wilayah Persekutuan sasar perbelanjaan RM13.4 juta bantu warga kota tahun ini

# Terus perkasa agenda KWP

DIANA AMIR

**T**ERUS komited memperkasakan agenda Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) khususnya dalam aspek kebijakan, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) menyatakan perbelanjaan sebanyak RM13.4 juta pada tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif YWP, **Datuk Zaizalnizam Zainun** berkata, kebanjakan program sedia ada akan diteruskan serta beberapa penambahbaikan akan dilakukan mengikut keperluan.

"YWP akan meneruskan usaha dalam membangunkan warga Wilayah Persekutuan khususnya golongan B40.

"Akan ada beberapa program baru diperkenalkan pada tahun ini dan selain program yang dirancang, kami juga akan terlibat dengan agenda anjuran kementerian," katanya ketika dihubungi *Wilayahku*.

Beliau berkata, program YWP masih berteraskan Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (PESAT) dengan sasaran perbelanjaan sebanyak RM13.4 juta.

"Tiada jumlah anggaran penerima untuk setiap program di bawah YWP, namun bajet kita sedikit besar berbanding tahun sebelumnya dan mengharapkan lebih ramai warga Wilayah Persekutuan menerima

manfaat daripadanya," ujar beliau.

Tambahnya, pihak YWP juga akan menambah baik faedah Skim Prihatin serta beberapa program pemanfaatan pendidikan juga bakal dilaksanakan pada tahun ini.

"Kita juga akan memberi fokus dalam meningkatkan program usahawan di mana program ini adalah untuk membantu peniaga kecil yang terjejas COVID-19 untuk membina semula kehidupan mereka dengan cara berniaga.

"Ia sekali gus membantu mereka untuk menambah pendapatan keluarga dan juga memberi manfaat terhadap ekonomi di Kuala Lumpur," jelasnya. **WK**



BEBERAPA program pemanfaatan pendidikan akan dilaksanakan pada tahun ini dalam memastikan kesemua pelajar yang layak mendapat bantuan secukupnya.

## 'Kasi Gamat Satu Negara', Sari Gold mahu lahirkan 100 usahawan baharu

**T**EMPOH Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan wabak COVID-19, tidak menghalang jenama Sari Gold utuh dipasaran walaupun baharu diperkenalkan.

Malah sepanjang jangka waktu getir itu, jualan produk kesihatan dan penjagaan kulit berdasarkan gamat miliknya telah meningkat 100 peratus.

Pengasasnya, **Hasniza Hassan** berkata, pihak Sari Gold merekodkan peningkatan semasa PKP malah permintaan juga tinggi kerana orang ramai prihatin dengan isu kesihatan yang melanda Malaysia dan dunia ketika itu.

"Peningkatan jualan disebabkan pengoperasian yang mengikuti perkembangan teknologi. Kita (Sari Gold) menggunakan platform media sosial.

"Ejen kita yang dipanggil sebagai rania telah diberi latihan untuk buat perniagaan secara atas talian (*online*) dengan menggunakan platform media sosial.

"Penyejoran pula dilakukan ibu pejabat, jadi tidak sukar untuk beroperasi dan mengekalkan perniagaan," katanya dalam sidang akbar pada Majlis Makan Malam Dynamic Challenge Sari Gold 2022 pada Sabtu.

Melihatkan pencapaian yang memberangsangkan itu, ujar beliau, Sari Gold menyatakan untuk melahirkan 100 jutawan gamat dalam tempoh tiga tahun mendatang.

Berkata mengenainya, Hasniza yang juga Pengarah Eksekutif Kumpulan Ana Global Ventures memberitahu, sejak ditubuhkan pada 2020, Sari Gold sudah mempunyai 5,000 rania berdaftar dan pihakn-



ya menyatakan tambahan 10,000 pada tahun ini.

"Diharapkan 1,000 usahawan baru dengan pendapatan minima RM5,000 dapat dilahirkan pada 2022 ini kerana pendaftaran sebagai rania adalah serendah RM30.

"Ia juga sejajar dengan kempen 'Kasi Gamat Satu Negara' yang dilancarkan untuk tahun ini. Dengan adanya kempen ini, kita dapat membantu lebih ramai lagi masyarakat khususnya mereka yang terkesan COVID-19 memulakan bisnes," katanya sambil menambah rangkaian Sari Gold adalah patuh syariah, berkualiti selain turut menyediakan latihan dan bimbingan kepada rania baharu.

Terdahulu, majlis makan malam yang diadakan adalah peng-

hargaan kepada rakan niaga atau rania Sari Gold yang berjaya melengkapkan cabaran sepanjang tempoh Julai hingga September 2020 dan sebagai meraikan tiga pemimpin rania yang memenangi Anugerah Direct Selling Association of Malaysia (DSAM) untuk Recognition Award baru-baru ini.

Seramai 12 rania berjaya dalam cabaran itu dan mereka dihadiahkan paket penginapan dua hari satu malam beserta makan malam di hotel lima bintang. **WK**



## Pusat Vaksin Booster Rumah Prihatin dibuka sehingga 10 Mac ini

**P**ERNAH beroperasi sebagai pusat pemberian vaksin (PPV) pada tahun lalu, RumahPrihatin@GrandSeasons kini kembali menyediakan kemudahan buat warga Lembah Klang mendapatkan dos penggalak vaksin (*booster*) sehingga Mac ini.

Prihatin dengan keperluan semasa rakyat, Rumah Prihatin ber-setuju menjadikan penyedia lokasi PPV buat lebih 30,000 warga kota bermula 10 Januari sehingga 10 Mac ini.

Pengarah Eksekutif Rumah Prihatin, **Datuk Mohd Irwan Rizal Mohd Ali Napiah** berkata, pembukaan PPV itu bertujuan membantu melancarkan urusan pemberian vaksin kepada individu-individu yang sudah mendapatkan janji temu melalui aplikasi MySejahtera.

"Di sini kami berikan suntikan dos Pfizer sebanyak 1,000 hingga 1,700 dos sehari yang mana ia telah disahkan melalui sistem Protecthealth dan proses ini mendapat kerjasama strategik daripada dua syarikat bertaullah iaitu Syarikat George Clinic dan Syarikat Healthopedia.

"Syarikat Healthopedia juga bertindak sebagai Health Care Operator di sini selain turut mendapat bantuan pengurusan dari segi keselamatan dan kelancaran proses daripada pihak Protecthealth," jelasnya kepada pemberita.

Orang ramai yang mempunyai sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenai vaksin booster di Rumah Prihatin, boleh melayari laman media sosial di Facebook, Instagram dan Twitter RumahPrihatin atau menghubungi talian bebas tol **1800-88-7997**, jelasnya.

Terdahulu, RumahPrihatin@GrandSeasons yang bertempat di Jalan Pahang, Kuala Lumpur kembali beroperasi sebagai PPV Offsite Booster (PICK) bermula 10 Januari sehingga 10 Mac ini pada setiap hari bermula pukul 9 pagi hingga 5 petang. **WK**



PPV Offsite Booster (PICK)  
RumahPrihatin@  
GrandSeasons  
dibuka bermula  
10 Februari  
sehingga 10 Mac  
ini pada setiap  
hari pukul 9 pagi  
hingga 5 petang.

REALITI KEHIDUPAN

# Rodakota

14 - 20 JANUARI 2022 . BIL 150

Wilayah Ku



## Unit Berkuda PPj simbol kemegahan Putrajaya

AINI MAWAWI

Foto: SYUQQREE MOHD DAIN

D negara Eropah seperti United Kingdom, pengawal berkuda berbaju merah yang dikenali sebagai Horse Guards merupakan salah satu tarikan utama kepada aktiviti pelancongan negara tersebut sejak zaman berzaman.

Lokasi yang sarat dengan sejarah tersendiri itu adalah hentian wajib dituju jika berada di kota London. Bukan sahaja berpeluang mengabadikan potret tetapi jika bernasib baik, pelancong juga dapat melihat sesi pertukaran pengawal yang ditugaskan ke Buckingham Palace.




Ternyata di luar negara pengawal berkuda bukan sahaja sekadar untuk tarikan pelancongan semata-mata bahkan ia turut memberi manfaat yang besar dalam sistem keselamatan sesebuah negara tersebut.

Sama seperti di pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan Putrajaya, Unit Berkuda Perbadanan Putrajaya (PPj) merupakan salah satu kemegahan bandaraya tersebut selain dijadikan salah satu elemen pencegahan jenayah.

Memiliki kekuatan anggota seramai 20 orang yang diketuai Inspektor Kanan Nor Azman Abdul Rahman selaku komandan, unit ini ditubuhkan pada 6 Jun 2007 dan secara rasminya beroperasi pada 2008.



Imbas kod QR untuk tonton video





AINI MAWAWI

**BERTEMPAT** di Kompleks Unit Berkuda Putrajaya, Presint 15, kompleks yang berkeluasan 4.5 hektar ini dilengkapi fasiliti dan kemudahan latihan seperti 70 kandang kuda, *paddock*, padang ragut dan tempat rawatan kuda selain turut diguna sama Unit Berkuda Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP) PDRM.

Menurut Inspektor Kanan **Nor Azman Abdul Rahman**, fungsi utama unit, selaras dengan imej Putrajaya sebagai Bandar Dalam Taman antaranya rondaan berkuda di tempat tumpuan awam seperti taman dan tasik serta kawalan orang ramai semasa acara rasmi anjuran PPj dan agensi kerajaan.

"Untuk rondaan, penggunaan unit berkuda amat penting kerana ia membabitkan kawasan yang tidak dapat dihampiri dengan kenderaan khususnya seperti di taman-taman awam, tasik dan kawasan yang sesak dengan pengunjung dan sebagainya."

"Jika ketika rondaan tersebut terdapat sebarang kejadian jenayah, anggota sedia bertindak berdasarkan keadaan semasa. Namun dalam masa yang sama, mereka juga akan memberitahu pasukan untuk menghantar bantuan."

"Selain daripada rondaan keselamatan, kemunculan kita juga berkait rapat dengan aktiviti pelancongan yang mana kebiasaan pelancong sentiasa tertunggu-tunggu untuk bergambar bersama kuda," ujar beliau.

Kata beliau lagi, unit berkuda PPj juga turut terlibat dalam acara atau majlis rasmi



NOR AZMAN

anjuran PPj dan agensi kerajaan selain daripada menyertai acara rasmi seperti perbarisan, kawad dan sukan ekuestrian.

"Kita juga banyak mencipta nama dalam kejohanan serta pernah mencatat nama dalam *The Malaysia Book Of Records* kerana berjaya menganjurkan *Putrajaya Horse Show 2019* sekali gus mendapat pengiktirafan sebagai Karnival Ekuin Terbesar di Malaysia."

"Dalam aktiviti sukan pula, Kejohanan Show Jumping EAM Digitalisation pada November 2020 menyaksikan pencapaian yang baik bagi kuda dan anggota baru apabila berjaya menduduki tempat keempat, kelapan dan ke-10 serta ke-11 bagi acara *dressage*," ujar beliau lagi.

Terbaharu, Unit Berkuda PPj turut menganjurkan pertandingan Ekuestrian Badan Beruniform Perbadanan Putrajaya 2021 pada 20 dan 21 Disember 2021 yang melibatkan penyertaan agensi lain seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Angkatan Pertahanan Awam (APM).

Mengulas lanjut, menurut Nor Azman, tidak lengkap kiranya unit berkuda di bawah seliaannya itu tanpa kehadiran kuda dari baka yang terbaik serta sesuai dengan tugas yang ditetapkan.

"Jika untuk keperluan kerja rondaan misalnya, kita gunakan kuda dari baka Criollo sementara untuk acara sukan ekuestrian, kita perlu mencari kuda yang lasak dan juga kelihatan cantik semasa acara lompatan seperti baka Warmblood dari Eropah," ujar beliau.

Tambah beliau lagi, sehingga kini keseluruhan kuda yang ada di bawah unit beliau adalah sebanyak 25 ekor yang mana perolehan pertama kuda sebanyak 15



NOR AZMAN ketika meninjau kuda di kandang.



UNIT berkuda PPj ketika sesi latihan.

ekor adalah baka jenis Thoroughbred dari Australia pada tahun 2010.

"Perolehan terkini enam ekor kuda iaitu adalah baka Quarter Horse selain baka Arab pada tahun 2021 yang datang dari dalam negara iaitu dari D'Zahra, Arabian Park, Bachok, Kelantan. Biasanya kita beli dari luar negara tetapi pada masa itu dari dalam negara berikutkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana pandemik COVID-19."

"Antara baka yang kita miliki adalah Quarter Horse, Criollo dan Warmblood yang mana kebiasaan harga seekor kuda dalam lingkungan harga RM40,000 hingga RM90,000," ujar beliau yang mengakui apabila sampai satu tahap tidak digunakan lagi, kuda tersebut akan dilupuskan.

#### CABARAN URUS KUDA

TERNYATA pengurusan kuda bukanlah sesuatu yang boleh dipandang ringan. Pelbagai cabaran terpaksa dilalui



INSPEKTOR Malik meluangkan masa melawat kuda.

Unit Berkuda PPj dalam memastikan perkara-perkara berkaitan kuda seperti pelaksanaan jadual pemakanan, jadual tugas dan latihan dipantau agar dapat berkhidmat sebaiknya.

"Penjagaan makanan, tempat tinggal dan persekitaran sangat penting supaya kuda sentiasa dalam keadaan sihat. Perkara-perkara yang berkaitan kuda akan berkait antara satu sama lain. Contohnya jika makan tak cukup, ia akan sakit atau tidak mahu menjalankan tugas."

"Setiap hari, kuda-kuda ini akan diberi makan sebanyak lima kali sehari mengikut waktu yang ditetapkan, jumlah hidangan dan kuantiti yang berbeza. Antara makanannya ia adalah *horse cube*, *chaff*, *bran* dan garam," ujar beliau lagi.

Tambah beliau lagi, kuda perlu sentiasa ditunggang dengan keanggotaan yang ada supaya sentiasa bersedia untuk tugas rondaan berkuda.

"Anggota perlu melatih kuda agar dapat menyesuaikan diri dengan keadaan persekitaran terutama apabila perlu menyertai sesuatu acara besar seperti perarakan berkuda. Selain itu, risiko kecederaan kepada anggota sewaktu latihan juga berisiko besar terutama bagi pertunjukan."

"Untuk mengelakkan perkara tersebut terjadi, maka anggota perlu sentiasa meluangkan masa dengan kuda mereka untuk keserasian. Selain memberi makan serta memandikannya, mereka juga perlu menatarias kuda tersebut," ujarnya kepada



# Imaduddin mahu bawa unit berkuda PPj ke luar negara

**PEMBANTU** Penguatkuasa Perbadanan Putrajaya (PPj) yang juga merangkap anggota berkuda PPj, **Mohamad Imaduddin**, 29, menyimpan hasrat untuk membawa unitnya memenangi kejohanan berkuda di luar negara.

Dia yang merupakan atlet berkuda sebelum ini berbesar hati kerana berpeluang untuk menyertai unit tersebut pada tahun 2014 dan pernah mendapat tempat pertama dalam kategori *Preliminary* dan tempat kedua kategori *Novice* pada Pertandingan Ekuestrian Badan Beruniform Perbadanan Putrajaya 2021 pada 20 dan 21 Disember lalu.

"Saya nak pastikan unit berkuda PPj berjaya mengharumkan nama di luar negara dalam tempoh sekurang-kurangnya dua tahun akan datang. Saya lihat unit ini sangat berpotensi tinggi. Ini merupakan cita-cita saya sejak kali pertama berada dalam unit

ini," ujarnya yang pernah menyertai kejohanan SUKMA 2012.

Bercerita lanjut tentang pengalaman bersama kuda, Imaduddin berkata kuda adalah haiwan yang amat memahami perasaan tuannya.

"Kalau kita ada masalah dan berada dalam keadaan serabut, ia tidak akan dengar cakap serta arahan yang kita berikan selagi kita tidak bertengang," ujarnya yang biasa menggunakan kuda bernama Tucu untuk membuat rondaan ketika bekerja.

Menjadi salah satu anggota harapan dalam sebarang kejohanan ekuestrian unitnya, dia turut memiliki kuda sesuai bernama Cyranoz yang berasal dari Belgium.

"Saya juga terlibat ketika proses membawa Cyranoz dari Belgium ke Malaysia. Untuk memastikan kami serasi bersama, saya banyak

menghabiskan masa dengannya lebih-lebih lagi jika ingin menyertai sebarang kejohanan. Kuda ini dia manja kalau kita selalu dengan dia malah kalau kita tinggalkan dia dalam tempoh dua minggu tanpa sebarang latihan dia akan mudah lupa gerakan yang kita ajar," ujarnya.

Berkongsi kisah pahitnya pula, anggota serba boleh yang pernah memenangi tempat pertama kategori individu dalam Penang Turf Club 2015 ini berkata, dia pernah terjatuh dari kuda dan tidak sedarkan diri.

"Sedar-sedar rupanya saya sudah pun berada di hospital. Biarpun mengalami kecederaan di bahagian kaki namun saya tidak pernah sese kali serik untuk bermain kuda jauh sekali meletakkan noktah dalam kerjaya ini. Jiwa saya sudah sebat dengan kuda sejak dari kecil lagi," ujarnya kepada *Wilayahku*. **WK**



IMADUDDIN



UNIT berkuda PPj berpotensi ke hadapan.



IMADUDDIN bersama kuda di bawah jagaannya.

## Rohida sahut cabaran tugas lasak

**KEBIASAANNYA** bidang lasak sering dipelopori oleh kaum lelaki namun tidak bagi Sarjan Mejar **Rohida Deraman**, 40, yang merupakan kakitangan wanita di Unit Berkuda Perbadanan Putrajaya (PPj).

Baginya dalam menguruskan kuda, tidak ada istilah tugas lelaki sahaja dan tidak sesuai dengan wanita. Menurutnya dalam situasi hari ini, golongan wanita lebih meminati tugas yang penuh cabaran.

Bercerita tentang pengalamannya dalam unit berkuda, Rohida dan salah seorang rakannya merupakan wanita pertama yang bersama unit ini sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 2008.

"Ketika mula-mula penubuhan, pihak pengurusan membuka tawaran kepada anggota penguat

kuasa yang ingin menyertai. Tanpa berfikir panjang saya terus menyahut cabaran tersebut.

"Sejujurnya saya memang seorang yang lasak dan kami berdua merupakan antara yang mengikuti latihan berkuda di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Biarpun agak asing dengan tugas baharu namun saya sangat teruja," ujarnya.

Turut melakukan rondaan berkuda selama beberapa tahun sebelum bertukar ke bahagian pentadbiran, Rohida mengakui banyak pengalaman berharga yang berjaya dikutipnya sepanjang tempoh tersebut.

"Saya pernah terjatuh daripada kuda ketika sesi terapi kuda di pantai. Setiap tahun kuda-kuda ini akan



ROHIDA

dibawa mandi laut. Bagi kuda yang tidak pernah ke laut, ia akan mudah teruja apabila melihat kawasan yang luas.

"Masa itu, kuda tersebut nak lari, puas saya cuba tenangkan tetapi tidak berjaya. Masa kuda tersebut dalam percubaan untuk lari, kaki saya tersangkut dan jatuh. Biarpun patah kaki namun saya tidak pernah serik," ujarnya lagi.

Berkongsi kisah tentang haiwan ini, menurutnya sejauh mana kuda lari, pasti ia akan kembali kepada rakan-rakannya kerana ia merupakan haiwan yang agak penakut.

"Jangan risau, ia akan kembali biarpun terlepas jauh. Itu pengalaman saya ketika menguruskan kuda," ujarnya yang sempat menitipkan pesan kepada kaum wanita agar melakukan persediaan mental dan fizikal jika ingin menyertai unit berkuda. **WK**



ROHIDA berpengalaman luas dalam pengurusan kuda.



# Kreativiti cetus kerjaya tempahan khas permaidani



NOOREEZA HASHIM

**P**ERMAIDANI buatan khas atau lebih dikenali sebagai 'Rugs' dalam bahasa Inggeris, kini semakin tular di platform media sosial seperti *Instagram* dan *Tiktok*. Menariknya, Rugs dihasilkan dengan menggunakan peralatan kecil seperti cangkul selak atau mesin khas anyaman dan ia boleh dihasilkan mengikut reka bentuk sendiri dengan pelbagai saiz mahupun warna yang pastinya kelihatan menarik.


Bermula dari rumahnya di Ulu Kelang dan diperkenalkan secara dalam talian melalui platform *Instagram*. Pengait permaidani buatan khas yang juga merupakan pengusaha *Ohrugs.co*, **Muhammad Farid Ramlee**, 30, sudi untuk berkongsi proses penyediaan

permaidani tersebut.

Pertama, gambar tempahan yang diminta pelanggan akan diteliti sebelum memilih warna-warna benang yang bersesuaian dengan gambar tersebut. Selepas itu, teknik tekapan akan dilakukan pada kain yang ditegangkan dengan menggunakan cangkul di sekeliling bingkai kanvas. Setelah selesai, proses lakaran kanvas menggunakan teknik tekapan dilakukan sekali lagi melalui peranti pancaran dan kain belakang dilekatkan di permukaan permaidani menggunakan gam dan dibiarkan kering selama 24 jam.

Akhir sekali, bahagian atas permaidani akan dicukur dengan menggunakan pencukur bulu biri-biri bagi mempertemaskan sekeliling permaidani buatan khas ini.

Sekiranya anda berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai produk ini, boleh layari laman media sosial *Instagram* @ohrugs.co. **WK**





# Bersyukurlah dengan bantuan yang diberikan – Min Yasmin

**PENYANYI** popular Min Yasmin berpendapat kerajaan telah mengambil langkah yang sepatutnya apabila memberi BWI kepada mangsa-mangsa banjir.

Min Yasmin atau nama sebenarnya **Nurul Yasmin Abdul Aziz**, 33, menganggap usaha itu sedikit sebanyak boleh meringankan beban rakyat tanpa membuat pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

"Sebelum ini kerajaan telah memberi kelonggaran kepada rakyat untuk mengeluarkan duit KWSP apabila pandemik COVID-19 melanda negara."

"Tak dinafikan, ada yang berpendapat duit KWSP itu adalah duit rakyat yang mencarum, jadi

rakyat berhak mengeluarkannya. "Saya akui dalam keadaan COVID-19 belum reda dan mangsa-mangsa banjir kerugian besar, sudah tentu rakyat amat memerlukan duit tersebut. Namun, kerajaan banyak beri bantuan kepada mangsa-mangsa banjir," katanya.

Menurut Min Yasmin lagi, duit dalam simpanan KWSP adalah untuk menjamin masa hadapan kerana tiada siapa tahu apa yang akan berlaku nanti.

"Kalau semua dah dikeluarkan, bagaimana pula dengan nasib kita apabila berlaku insiden lain pula. Jadi duit KWSP tu adalah 'back-up', luahnya yang popular dengan lagu Belum Lelah Setia ciptaan Julfekar.

Dalam masa sama, Min juga

berharap masyarakat tidak saling bertelagah meskipun berbeza pendapat dalam isu pengeluaran wang KWSP.

"Semua orang berhak bersuara. Itu hak masing-masing. Begitu juga dengan saya, ada pendapat sendiri.

"Bukan sahaja kerajaan, malah banyak juga pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang tampil memberikan bantuan," ujarnya lagi.

Tentang kerjaya nyanyian, penyanyi yang popular di Filipina ini bersyukur apabila tiket konsertnya *Min Yasmin Live In Sandakan* pada 11 Mac ini telah habis dijual.

"Alhamdulillah tiket konsert solo yang diadakan secara tertutup di Sabah Hotel sudah habis terjual. Saya sangat terkejut

dengan maklum balas positif yang diberikan peminat di sana.

"Saya kini dalam perbincangan dengan pihak hotel untuk menambah jumlah tetamu. Namun saya perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan.

"Jadi mungkin jumlah tetamu yang bakal ditambah tidak ramai. Namun, sekurang-kurangnya saya bersyukur dengan penerimaan baik ini," katanya.



DEEL ANJER

**P**ERMOHONAN untuk Bantuan Wang Ihsan (BWI) kini dibuka kepada setiap keluarga yang terjejas dengan bencana banjir.

Kerajaan juga bersetuju untuk memberi peruntukan sebanyak RM1,000 dan RM5,000 kepada setiap ketua isi rumah bagi membantu membaiki kerosakan rumah, parit serta infrastruktur yang lain pasca banjir. **wk**

## Noki bangga kerajaan utamakan mangsa banjir

**PENYANYI** rap **Noki** menyifatkan usaha kerajaan memberi BWI adalah satu langkah bijak di saat rakyat dalam kesusahan.

Pemilik nama sebenar Ahmad Ikhwan Aji, 27, lega apabila BWI dapat digunakan secepat mungkin oleh mangsa-mangsa banjir.

"Pemberian BWI yang lebih awal kepada mangsa banjir membolehkan keluarga terjejas menampung pembelian kelengkapan baharu yang mungkin rosak akibat bencana itu."

"Sebelum ini, kita pernah dengar kena tunggu lama baru dapat bantuan, tapi kali ini berbeza."

"Kerajaan tidak tunggu lama untuk menyalurkan duit tersebut kerana memahami rakyat sangat memerlukan dalam usaha untuk bangkit semula."

"Ini secara tak langsung membuktikan kerajaan memang peka dan mengutamakan kepentingan rakyat terutamanya mereka yang ditimpak bencana alam."

"Jadi, bantuan segera ini boleh mengurangkan bebanan mereka untuk membeli barang keperluan dan lain-lain," katanya yang berkolaborasi bersama Shiba Zikir dalam lagu AEWO yang turut layak ke Anugerah Juara Lagu ke-36 yang bakal berlangsung pada Februari ini.



## Bantuan Wang Ihsan manfaat kepada mangsa banjir

## Bantuan segera yang bermanfaat – Aweera

**PENYANYI** rock **Aweera** juga berasa lega apabila kerajaan mempercepatkan proses pembayaran BWI kepada rakyat yang terjejas akibat banjir.

Bagi Aweera atau nama sebenarnya Nasharul Aweera Norhissham, 30, BWI ini boleh mengantikan wang pengeluaran KWSP.

"Apa yang saya tahu, Perdana Menteri pun telah mengarahkan agar BWI kepada mangsa banjir dapat disegerakan. Ini penting bagi membolehkan mereka terlibat dapat menggunakan wang berkenaan bagi membeli keperluan dengan segera."

"Bagi saya, bantuan kewangan dengan segera sangat penting kerana apa yang berlaku kepada mereka perlu dipulihkan dalam masa yang singkat. Mana boleh tunggu lama-lama untuk memperbetulkan apa yang sepatutnya," jelas Aweera yang turut turun padang mengagihkan bantuan kepada mangsa banjir di Kampung Sri Tanjung, Dengkil, Selangor, baru-baru ini.

Malah, katanya, kesibukan sebagai peserta Gegar Vaganza (musim kelapan) tidak menghalangnya menjayakan misi bantuan banjir.

"Selain wang tunai, saya dan para sukarelawan Projek Jalinan Kasih turut mengagihkan keperluan lain seperti bekalan makanan, al-Quran, lampu pakai buang, bantal, selimut dan banyak lagi," ujarnya lagi.





PENERIMA tersenyum gembira selepas menerima sumbangan kelengkapan sekolah dan kotak makanan di Aeon Big Ampang, Selangor.



PENGURUS Aeon Big, Sheikh Farouk Sheikh Mohamed (tengah) berbesar hati atas jalinan kerjasama yang terpahat antara Empire Project dan Agromate Holdings Sdn Bhd.

## 20 anak Pertubuhan Kasih Nurhati terima sumbangan kelengkapan sekolah



SABRINA SABRE

**S**ERAMAI 20 orang anak-anak dari Pertubuhan Kebajikan Nurhati gembira apabila menerima sumbangan kelengkapan sekolah dan kotak makanan menerusi program *Back to School* di Aeon Big Ampang, Selangor baru-baru ini.

Prihatin dengan kekangan yang dihadapi oleh keluarga dan pelajar yang bakal memulakan persekolahan, Persatuan Empayar Kebajikan Malaysia (Empire Project) bersama Agromate Holdings Sdn Bhd tampil menghulurkan sumbangan kepada pelajar yang terdiri daripada golongan asnaf, anak yatim dan Orang Kurang Upaya (OKU).

Penganjur program yang juga Presiden Empire Project, **Ashraff Khan Md Najib** berkata, seramai 60 orang pelajar dari Sekolah Kebangsaan Dusun Nanding yang terlibat dengan banjir di Hulu Langat turut terpilih dalam menjayakan program ini.

"Program *Back to School* ini adalah program tahunan Empire Project.

"Turut serta dalam menjayakan

**“Murid-murid yang terpilih dalam program ini diberi peruntukan sebanyak RM200 setiap seorang untuk membeli barang keperluan sekolah di Aeon Big Ampang.**

program *Back to School* adalah pemberian kotak makanan dan beg sekolah sumbangan daripada NGO Dana Kita," ujarnya.

Menurut Ashraff Khan, program *Back to School* pada tahun ini telah dijalankan di empat buah lokasi yang berbeza iaitu di Mydin Gong Badak, Aeon Big Batu Pahat, Aeon Big Danau Kota dan Aeon Big Ampang.

"Murid-murid yang terpilih dalam program ini diberi peruntukan sebanyak RM200 setiap seorang untuk membeli barang keperluan sekolah di Aeon Big Ampang.

"Empire Project akan meneruskan pelaksanaan program *Back to School* pada tahun hadapan dan berharap penerima sumbangan akan lebih banyak serta meluas," tambahnya.

Di samping itu, Pengurus Aeon Big, Sheikh Farouk Sheikh

Mohamed berkata beliau amat berbesar hati atas jalinan kerjasama yang terpahat antara Empire Project dan Agromate Holdings Sdn Bhd di mana memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak.

"Saya amat berbesar hati atas kerjasama yang terjalin pada program *Back to School* pada tahun ini," kata Chin Yin Chung pula selaku wakil Agromate Holdings Sdn Bhd.

Pelaksanaan yang jitu dan tersusun sudah tentunya hadir melalui kerjasama dan kesepakatan yang terbaik dalam kalangan 15 sukarelawan Empire Project yang turut serta dalam setiap program yang dilaksanakan.

"Kami memiliki sukarelawan yang komited dan senantiasa hadir dalam melancarkan sesuatu pelaksanaan program.

"Semoga program *Back to School* yang akan dijalankan pada tahun hadapan berupaya membantu lebih ramai murid yang kurang berkemampuan untuk menerima barang keperluan sekolah seperti murid-murid lain," kata Ashraff Khan yang juga berharap agar lebih ramai agensi akan turut serta dalam menjalinkan kerjasama dengan Empire Project demi kemaslahatan dan kebaikan kedua-dua belah pihak.

Masyarakat Malaysia yang ingin menyumbang dalam Tabung Empire Project bolehlah berbuat demikian melalui akaun rasmi Persatuan Empayar Kebajikan Malaysia (Empire Project) – Maybank: 564061431661. WK



KOTAK makanan dan beg sekolah sumbangan daripada NGO Dana Kita.



PELAJAR mencuba pakaian sekolah baru hasil sumbangan Empire Project dan Agromate Holdings Sdn Bhd.

# Hidangan ringkas perayaan Thaipusam



HAZIRAH HALIM

**M**ENJELANG perayaan Thaipusam yang bakal diadakan pada 18 Januari ini, pastinya juadah masakan menjadi tumpuan utama bukan sahaja tetamu yang hadir malah mereka yang berada di rumah juga.

**Datin Seri Shamsiah Md Yassin** bersama **Chef Hasna** berkongsi dua resipi turun-temurun masyarakat India yang boleh anda cuba bersama keluarga tersayang sambil meraikan keindahan perayaan tersebut.

Selamat menyambut hari Thaipusam dan selamat mencuba! **W.K.**

## Masala Vadai


AIR TANGAN BONDA  
DATIN SERI SHAMSIAH
**BAHAN-BAHAN**

Kacang dal  
Bawang merah  
Jintan manis  
Cili kering dipotong kecil  
Daun kari


**CARA PENYEDIAAN**

1. Rendam kacang

- dal selama tiga jam.
2. Kisar halus sebahagian besar kacang dal tersebut.
3. Toskan air dan gaul sebatik kesemua bahan. Perasan dengan garam, sedikit gula serta serbuk perasa. Biarkan selama satu jam.
4. Selepas satu jam, goreng masala vadai sehingga garing.
5. Setelah menggoreng, hidangkan masala vadai bersama teh o panas.



## Ayam Goreng 65



CHEF HASNA

**BAHAN A**

500 gm ayam isi  
2 sudu tepung jagung  
1 sudu tepung gandum  
2 sudu kicap cair  
2 sudu bawang putih  
2 sudu pes halia  
2 sudu serbuk cili merah  
1 sudu jus lemon  
1/2 sudu cuka putih

**BAHAN B**

1 biji telur saiz A  
1/2 sudu garam  
2 sudu yogurt asli  
2 sudu serbuk cili merah atau serbuk tikka masala

**BAHAN C**

Daun kari  
Cili hijau dipotong serong

**CARA PENYEDIAAN**

1. Potong ayam secara mengecil. Campurkan semua bahan A ke dalam mangkuk dan kacau

2. rata.
3. Panaskan minyak dan goreng ayam.
4. Tumiskan bahan C di dalam kuali yang sama atau berlainan sehingga layu.
5. Kemudian, masakkan pula bahan B sehingga mendidih. Apabila yogurt mula mendidih, masukkan kepingan ayam dan masak sehingga kering.
6. Toskan ayam daripada minyak. Hiaskan bersama daun kari dan cili hijau.



## Menu wajib perayaan Thaipusam

### Banana Leaf



SABRINA SABRE

**SETIAP** perayaan di Malaysia mempunyai keunikan yang tersendiri kerana negara kita mempunyai pelbagai resam dan kepercayaan dalam ses sebuah perayaan. Thaipusam adalah antara perayaan kaum India yang diraikan setiap tahun.

Tak meriahlah sebuah perayaan kalau tidak dihidangkan dengan aneka hidangan yang enak-enak bukan?

Setiap hidangan tersebut juga memiliki identiti kaum itu sendiri. Begitu juga dengan perayaan Thaipusam memang banyak juadah yang 'wajib' dihidangkan dan dinikmati bersama keluarga mahupun jiran tetangga.

Oleh itu, edisi kali ini akbar Wilayahku kongsikan kepada anda resipi wajib untuk anda cuba semasa menyambut perayaan Thaipusam. Selamat mencuba! **W.K.**

**BAHAN KARI AYAM**

½ kg ayam dipotong kecil  
1 biji tomato kecil  
1 biji bawang merah dihiris halus  
1 sudu besar pes halia bawang putih  
1 serbuk kari  
1 sudu besar serbuk cili  
1 batang kayu manis  
1 bunga lawang  
1 buah buah pelaga  
Tangkai daun kari

**BAHAN ALOO/KENTANG**

½ kg kentang direbus, dikupas dan dipotong dadu  
1 biji bawang merah dihiris halus  
1 sudu kecil pes bawang putih halia  
1 sudu kecil jintan manis  
1 sudu kecil serbuk cili

**BAHAN KUBIS GORENG**

200 gram kubis dihiris halus  
1 biji bawang besar dihiris halus

**BAHAN KECIL**

2 sudu kecil biji sawi  
2 biji cili kering  
1 sudu kecil serbuk kunyit

**CARA PENYEDIAAN**

1. Untuk membuat kari ayam, tuangkan sedikit minyak, tumis batang kayu manis, buah pelaga dan bunga lawang dalam periuk dengan api sederhana.
2. Kemudian masukkan bawang besar, pes halia-bawang putih dan tomato. Kacau hingga sebatik.
3. Seterusnya, masukkan kari dan serbuk cili.
4. Setelah adunan naik Bau, masukkan ayam dan air hingga menutupi semua ayam. Renah selama 20 minit dan masukkan daun kari serta ½ sudu besar garam.
5. Untuk membuat aloo/kentang, gunakan kuali yang tidak melekat, tambahkan sedikit minyak. Tumiskan

jintan manis, halia pes bawang putih dan hiris bawang besar dengan api perlakan.



# Bazar Kreatif

## USAHAWAN ANAK MUDA KOTA

Berjaya Times Square, Tingkat 4, (Lot 04-87)  
10.00 Pagi - 10.00 Malam (Buka setiap hari)



**BUY 1  
FREE 1 VOUCHER**  
Setiap pembelian  
RM50 ke atas

*Pelbagai*  
**AKTIVITI MENARIK**  
MENANTI ANDA  
» Busking  
» Karoeko  
» Squid Game

**JOM KUNJUNGI  
KAMI!**



### Konsep Flea Market

Produk makanan, minuman,  
jahitan, pakaian, kraf tangan  
dan lain-lain



#### RUANG MAKANAN

Pelbagai jenis makanan  
menanti anda



#### RUANG PAKAIAN

Pelbagai pakaian yang  
anda boleh dapat



#### RUANG KECANTIKAN

Dapatkan Jamu dari  
Booth berdekatan



#### TIKET PERCUMA

Setiap pembelian  
RM50 ke atas



#### PELBAGAI BARANG

Anda boleh dapat  
Kraf tangan, Lukisan & Barang antik

**Jumpa  
KAMI DI**



**Berjaya Times Square  
Tingkat 4, (Lot 04-87)**

**BUKA SETIAP HARI  
10.00 PAGI - 10.00 MALAM**

**#KELUARGA  
MALAYSIA**



# Kelas pemasaran digital luaskan strategi perniagaan UAMK



HAZIRAH HALIM

**M**UTAKHIR ini, penggunaan perniagaan atas talian (*online*) melalui laman media sosial, Instagram, Facebook, Twitter dan Tiktok semakin menunjukkan peningkatan dari segi penguasaan kebergantungan kepada ekonomi digital dalam mempromosikan jualan kepada orang ramai selaras dengan perubahan era pemodenan.

Peningkatan secara mendadak ini mendorong usahawan mempelajari dan menyusun semula strategi mengikut norma baharu dengan mencuei perniagaan *online* selepas kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara.

Mahu usahawan memaksimumkan penggunaan media sosial dalam perniagaan, iQP Solutions tampil mengadakan kelas pemasaran digital secara percuma buat Usahawan Anak Muda Kota (UAMK) di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur selama empat hari bermula 7 Januari sehingga 10 Januari lalu.

**“Rata-rata mereka yang datang ke kelas itu mengetahui tentang kepentingan media sosial tetapi mereka gagal mengoptimalkan penggunaan platform tersebut.”**

Menekankan aspek pendedahan teori dan praktikal secara optimum kepada usahawan terlibat, Ketua Pegawai Eksekutif iQP Solutions yang juga merupakan Fasilitator Pembelajaran Professional syarikat itu, **Zulhazri Azmi** berkata, program tersebut telah berjaya memupuk minat dan meluaskan pengetahuan peniaga tentang kepentingan penggunaan platform tersebut.

“Rata-rata mereka yang datang ke kelas itu mengetahui tentang kepentingan media sosial tetapi mereka gagal mengoptimalkan penggunaan platform tersebut.

“Pengisian selama empat hari itu bukan sahaja berjaya buat mereka faham kepentingan tersebut tetapi juga mengetahui bagaimana cara untuk



**KELAS** pemasaran digital membabitkan penyertaan seramai 50 orang peserta dalam kalangan peniaga di Bazar Kreatif dan secara atas talian.

memaksimumkan kelebihan platform tersebut,” katanya yang juga tenaga pengajar utama kelas itu.

Menurut Zulhazri, Program Perintis Kelas Asas Digital Marketing melalui usahawan Kota Training Centre membabitkan penyertaan seramai 50 orang peserta dalam kalangan peniaga di Bazar Kreatif tersebut dan secara atas talian melalui aplikasi Zoom.

Katanya, pengisian kelas empat hari itu menumpukan kepada teknik penguasaan penggunaan Facebook, Instagram, WhatsApp, Warrior, Funnel Marketing, Copywriting, membina grafik serta cara menghasilkan duit melalui perniagaan Shopee dan Lazada.

Bagi memastikan tiada usahawan anak muda terlepas peluang mempelajari teknik tersebut, pihaknya turut memuat naik rakaman setiap kelas yang diadakan di dalam Group WhatsApp usahawan Bazar Kreatif itu.

“Saya berharap agar program

ini dapat membantu lebih ramai usahawan terutamanya golongan peniaga asnaf atau kurang upaya (OKU) di samping melengkapkan mereka dengan ilmu dan strategi yang betul bagi mengharungi cabaran perniagaan atas talian.

“Dalam masa yang sama, saya juga mengambil kesempatan menasihatkan para usahawan mengelakkan penggunaan strategi penipuan dalam perniagaan *online*

khususnya dari segi harga, stok, kualiti produk dan sistem penghantaran (*shipping*),” jelasnya yang mempunyai pengalaman luas membimbang usahawan dalam pemasaran digital.

Sementara itu, beliau turut berkongsi satu konvensyen Digital Marketing 2022 Siri 1 akan

dianjurkan bagi mempersiapkan usahawan di luar sana dengan ilmu pemasaran digital yang akan menampilkan sembilan orang *master trainer* dan pakar motivasi terkenal, Datuk Dr Mohd Fadhilah Kamsah.

Ujarnya, topik sepanjang konvensyen merangkumi aspek teknik *Digital Marketing* seperti iklan Facebook, memaksimumkan penggunaan Google dalam perniagaan, Tiktok, Shopee, WhatsApp, penulisan *Copywriting* termasuk juga cara menghasilkan Jualan, menggunakan *database* yang mana ia dapat membantu meningkatkan pendapatan usahawan di tahun 2022 ini.

“Maklumat lanjut mengenai konvensyen dan pembelian tiket boleh melayari laman web <https://usahawankota.com/konvensyen/>,” kongsinya. **W.K**



**ZULHAZRI** Azmi berkongsi strategi pemasaran digital kepada peserta yang hadir secara bersemuka dan atas talian melalui aplikasi Zoom.



**PESERTA** yang terlibat dalam kelas tersebut merupakan peniaga di Bazar Kreatif usahawan Anak Muda Kota Berjaya Times Square, Kuala Lumpur.

**Digital MARKETING MASTERCLASS**

**FROM ZERO TO HERO**

10.30AM - 12.30PM

JANUARI 2021

- 7.01 - MEMAKSIMUMKAN PENGGUNAAN SOSIAL MEDIA FACEBOOK & IG DLM BISNES
- 8.01 - BUAT DUIT DI SHOPEE
- 9.01 - WHATSAPP WARRIOR & FUNNEL MARKETING
- 10.01 - COPYWRITING & MEMBINA GRAFIK

**PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN ANAK MUDA KOTA**

**WILAYAH PROMOTION**

**COACH ZUL**  
DIGITAL MARKETING (MASTER TRAINER)  
PROFESSIONAL LEARNING FACILITATOR (MASTERY)

**KHUSUS UNTUK PENIAGA UMKBT'S**

**PROFESSIONAL LEARNING SESSION BERSAMA COACH ZUL**

**WILAYAH PROMOTION**

Pendidikan untuk kanak-kanak miskin

# BCG tubuh sekolah komuniti di Labuan



KORESPONDEN  
KHAIRUL IDIN

**B**ORNEO Combat Gym (BCG) mewujudkan sekolah komuniti kepada golongan kanak-kanak kurang berkemampuan di Pulau Bebas Cukai bagi memberikan pendidikan secara percuma.

Pengasasnya, **Alvin Choong** berkata, penubuhan sekolah komuniti itu berasaskan visi ingin membantu dan memberikan pendidikan kepada kanak-kanak yang kurang berkemampuan.

Katanya, bermula dengan tiga orang pelajar pada tahun 2019, kini sekolah itu mempunyai seramai 19 orang pelajar yang mengikuti kelas seni mempertahankan diri.

"Penubuhan sekolah komuniti di bawah BCG ini tercetus apabila terlihat ramai kanak-kanak



ALVIN (kiri) bersama pihak penyumbang daripada Executive Offshore ketika menerima replika cek bernilai RM15,000.

golongan itu tidak bersekolah disebabkan tidak berkemampuan.

"Visi kami dengan penubuhan sekolah ini adalah sebagai inspirasi kepada masyarakat agar

bersama-sama membantu kanak-kanak yang kurang kemampuan ini agar mereka mendapat pendidikan.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di majlis penyerahan



SERAMAI 19 orang kanak-kanak kurang berkemampuan menyertai sekolah komuniti yang ditubuhkan oleh Borneo Combat Gym.

sumbangan RM15,000 daripada syarikat Executive Offshore di Bangunan Times Square, pada Sabtu lalu.

Tambahnya, dengan adanya sum-

bangku itu dapat digunakan bagi meneruskan aktiviti sekolah komuniti itu agar sentiasa memberikan pendidikan kepada kanak-kanak kurang kemampuan. **WK**



YAHYA (tengah) bersama Ahli Lembaga Pengarah LPMS Kapten James dan Kamariah menunjukkan kapal Tugboat iaitu Sumber Tractor 1 dan Sumber Tractor 2 yang menawarkan perkhidmatan tugboat.

## LPMS tawar peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan perkapalan

**SYARIKAT** perkhidmatan bot tunda (*tugboat*) Labuan Pilotage and Marine Services (LPMS) Sdn Bhd bakal memberi peluang pekerjaan kepada penduduk di Pulau Bebas Cukai ini dalam bidang perkhidmatan perkapalan.

Susulan pandemik COVID-19 yang melanda negara khususnya di Labuan, ramai yang terjejas susulan hilang pekerjaan dan sebagainya.

Susulan itu, syarikat LPMS yang telah beroperasi bermula November lalu, bakal menawarkan peluang pekerjaan kepada penduduk pulau ini berdasarkan keperluan perkhidmatan syarikat itu.

Menurut Pengurusnya, **Yahya**

**Mohammad**, syarikatnya yang mula beroperasi pada November tahun lalu itu menawarkan pelbagai perkhidmatan perkapalan termasuklah perkhidmatan *tugboat* dari kapal ke kapal.

"Buat masa ini, kami mempunyai dua buah *tugboat* iaitu Sumber Tractor 1 dan Sumber Tractor 2. Kedua-dua kapal itu boleh beroperasi secara 24 jam jika ada permintaan daripada syarikat-syarikat perkapalan di sini," katanya kepada pemberita pada perasmian pejabat syarikat itu di Wisma Wong Wo Lo di sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Lembaga Pengarah LPMS, Kapten James W.H Lee dan Kamariah Mat Zin.

Yahya berkata, selain daripada memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk di pulau ini, ianya juga bertujuan melengkapi di antara pihaknya dengan syarikat perkapalan yang lain.

"Dengan perkhidmatan ini, kita dapat memberikan perkhidmatan *tugboat* ini kepada syarikat perkapalan yang lain dan ia melengkapkan di antara satu dengan yang lain."

"Di Labuan, perkhidmatan *tugboat* masih kurang. Oleh itu, dengan adanya perkhidmatan yang syarikat kami tawarkan akan memberi manfaat kepada industri perkapalan di sini," katanya lagi. **WK**

## PL laksana kawalan serangga perosak di sekitar bandar

**BAGI** memastikan persekitaran bersih dan bebas daripada makhluk perosak, Perbadanan Labuan (PL) menerusi Unit Kesihatan Jabatan Perkhidmatan Perbadaran melaksanakan kerja-kerja kawalan serangga dan makhluk perosak di sekitar pusat bandar Labuan, baru-baru ini.

Menerusi kenyataan PL baru-baru ini, kerja-kerja kawalan itu memfokuskan kawasan longkang dan pusat pengumpulan sampah di sekitar bandar.

"Ini kerana kawasan tersebut menjadi habitat dan kehadiran yang tinggi bagi serangga dan makhluk perosak."

"Kerja-kerja kawalan itu dilakukan secara berkala melalui kontraktor yang dilantik oleh PL," katanya dalam satu kenyataan, baru-baru ini.

Jelas kenyataan itu lagi, kerja-kerja kawalan itu bertujuan bagi memastikan persekitaran di premis-premis perniagaan terjamin dan bebas daripada wabak penyakit daripada bawaan serangga dan makhluk perosak. **WK**



PETUGAS Unit Kesihatan melakukan kerja-kerja semburan di kawasan longkang sekitar pusat bandar bagi memastikan kawasan itu bebas daripada serangga dan makhluk perosak. - Foto Mohd Khairul Yakop



**14 Januari - 6 Februari 2022**

### Ganjaran Kesejahteraan

Belanja RM600 ke atas, tidak melebihi 2 resit di kedai-kedai terpilih untuk menerima baucar membeli-belah kedai fesyen Alamanda bernilai RM30 dan bekas makanan.\*



### Cabutan Bertuah Perbelanjaan Tertinggi Harian

Belanja RM1,500 ke atas, tidak melebihi 2 resit di kedai-kedai terpilih untuk menerima baucar membeli-belah kedai fesyen Alamanda bernilai RM60 atau beg Jute.\*



### Istimewa

Nikmati aktiviti seni dan kraf secara percuma untuk ahli VIKids sahaja.



\*Termasuk syarat terpakai. Sementara stok masih ada. Imej yang dipaparkan adalah ilustrasi semata-mata. Untuk maklumat lanjut, kunjungi Kaunter Concierge kami atau hubungi +603-8888 8882.

Sertai kami di [www.alamanda.com.my](http://www.alamanda.com.my)

# Mahu ambil dos penggalak atau tidak?



PROF DR JAMES KOH

**K**ETIKA rakyat Malaysia sedang menikmati pemansuhan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan operasi perniagaan, adalah penting juga bagi kita untuk meningkatkan perlindungan diri dari virus COVID-19 dengan mengambil suntikan dos penggalak. Namun begitu, tidak dinafikan bahawa masih terdapat banyak persoalan menyelubungi isu tersebut. Ketua dan Perunding Penyakit Berjangkit bagi Pusat Pengajian Perubatan di Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU), **Profesor Dr James Koh** membincangkan persoalan ini bersama kita bagi membantu meningkatkan keyakinan kita.

Tetapi perjuangan melawan virus ini adalah berterusan. Beberapa bulan selepas kita memaparkan foto-foto sudah disuntik vaksin dengan penuh bangga, kita sekali lagi dikehendaki pergi ke klinik dan kali ini untuk mendapatkan suntikan dos penggalak pula.

Pihak berkuasa kesihatan sebelum ini memberi jaminan

kepada kita yang dos penggalak tidak diperlukan. Jadi, kenapa berlaku perubahan pula? "Makin banyak yang kita pelajari mengenai virus ini dari semasa ke semasa. Pada mulanya, dua dos vaksin sudah difikirkan memadai. Tetapi penyelidikan diteruskan dan dengan data baharu kita kini tahu bahawa kesan perlindungan (atau tahap peneutralan antibodi) bagi semua vaksin cenderung menurun mengikut peredaran masa.

"Sebab itulah kerajaan dan pihak berkuasa lain di seluruh dunia kini mengesyorkan suntikan dos penggalak," jelas Profesor James.

## KESEDARAN YANG MENDESAK

**BAGI** rakyat Malaysia, keperluan untuk dos penggalak menjadi mendasar kerana majoriti populasi kita, terutamanya, mendapat suntikan vaksin Sinovac sebagai vaksinasi utama pada fasa awal.

Statistik tempatan daripada *Real-World Evaluation of COVID-19 Vaccines* di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (RECoVaM) menunjukkan perlindungan vaksin Sinovac terhadap jangkitan COVID-19

menurun dari 76% dalam dua bulan pertama selepas vaksinasi lengkap kepada cuma 28% dalam bulan ketiga hingga kelima. Kajian antarabangsa membentarkan dapatkan ini.

"Pada bulan ketiga, kajian mendapati tahap peneutralan antibodi dalam vaksin Sinovac adalah kurang daripada 50 peratus dan pada bulan keenam, ia hampir tidak dapat dikesan," tambah Profesor James.

Bagi vaksin Pfizer dan AstraZeneca pula, keberkesanannya mula menunjukkan penurunan pada bulan keenam. Oleh itu, adalah penting untuk mendapatkan suntikan dos penggalak yang secara asasnya membangkitkan semula sistem imuniti badan kita untuk menghasilkan antibodi.

"Suntikan dos penggalak ini bukanlah pengakhiran. Akan ada dos penggalak lain dan seterusnya. Kita tidak tahu banyak mana tetapi yang pasti ini bukanlah yang terakhir," ujar beliau.

## GABUNG DAN PADAN

**ISU** keselamatan apabila dua jenis vaksin dicampurkan turut menimbulkan keraguan. Pada awal

bulan November, Pusat Pencegahan dan Kawalan Penyakit (CDC) memberikan kebenaran untuk menggabung padankan vaksin berbeza sebagai dos penggalak. Namun begitu, satu kenyataan oleh Ketua Saintis Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) Sourya Swaminathan pada bulan Julai yang mengatakan masih tiada lagi data bagi kaedah gabung padan vaksin ini, masih lagi berlegar-legar. Untuk makluman, beliau kemudiannya menjelaskan bahawa: "Individu tidak sepautnya membuat keputusan sendiri, tetapi agensi-agensi kesihatan boleh berdasarkan data sedia ada.

Data yang tersedia kini semakin meningkat. Bukti daripada negara-negara yang sudah pun melancarkan sistem gabung padan vaksin ini menunjukkan hasil yang baik. Kajian di Singapura mendapati penurunan risiko jangkitan sebanyak 72% apabila mencampurkan vaksinasi utama Pfizer dengan dos penggalak Moderna, berbanding 62% sahaja bagi mereka yang mendapatkan suntikan Pfizer untuk suntikan pertama, kedua dan ketiga.

Namun begitu, Profesor James menggalakkan semua orang untuk mendapatkan suntikan

dos penggalak tanpa mengira campurannya kerana tidak mengambil dos penggalak adalah lebih berbahaya. "Mengambil apa sahaja dos penggalak adalah lebih baik daripada tidak mengambilnya langsung. Ini bermakna mereka yang mengambil suntikan Sinovac, lambat laun mungkin perlu mendapatkan dos penggalak lebih awal.

Apakah ada orang yang tidak boleh menerima suntikan dos penggalak? Tidak, kata beliau, kerana setiap orang yang dibenarkan mengambil dua dos pertama boleh mengambil dos penggalak.

Bagi mereka yang mempunyai sistem imuniti badan yang berkurangan seperti pesakit HIV/AIDS, mereka yang menjalani pemindahan organ atau pesakit barah, dos penggalak barangkali menjadi suntikan dos keempat.

"Sesetengah daripada mereka pada mulanya mungkin perlu mendapatkan tiga dos bagi merangsang sistem imuniti badan untuk menghasilkan antibodi. Bagi mereka ini, dos penggalak adalah dos keempat mereka," terang Profesor James. Sambil menambah, dos penggalak adalah sangat selamat dalam keskes sedemikian.

# SMART-kan azam 2022, ambil kira potensi diri masing-masing



DR AZMAWATY MOHAMAD NOR

DI ambang tahun baru setiap tahun, seringkali kita disuapkan dengan soalan, apa azam tahun ini? Berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya, azam tahun baru 2022 mungkin mencatat sedikit kelainan.

Bila diajukan soalan apakah azam tahun baru pada tahun 2022, balasan yang diterima disulami dengan senyuman dan diikuti dengan jawapan hampir serupa iaitu untuk menjadi lebih baik.

Pandemik COVID-19 selain itu banjir yang dialami di kebanyakan negeri di Malaysia telah memberikan kesan yang mendalam kepada seluruh rakyat Malaysia dan sambutan tahun baharu tidak disambut dengan meriah seperti tahun-tahun sebelum pandemik melanda dunia.

Walaubagaimana pun, masih tidak terlewat untuk menanam azam kerana ianya penting untuk menaikkan semangat seseorang dalam berusaha mencapai impian masing-masing.

Apakah yang dimaksudkan dengan azam? Ianya merupakan satu kemauan, keinginan atau cita-cita yang ingin digapai dan dicapai oleh seseorang dengan bersungguh-sungguh dalam tempoh setahun tersebut.

Banyak faktor yang perlu dipertimbangkan sebelum matlamat atau azam ditetapkan. Di antaranya adalah penetapan matlamat yang jelas dan khusus.

Sebagai contoh, hendak berjaya dalam pembelajaran merupakan satu penetapan azam yang umum, manakala hendak berjaya dalam subjek sejarah memandangkan seorang pelajar itu lemah dalam mata pelajaran tersebut adalah penetapan azam yang lebih khusus.

Selain itu, setiap individu perlu mengetahui potensi diri dengan melihat semula kelemahan dan kekuatan diri.

Bagi memastikan azam tersebut dapat dicapai, individu perlu merangka pelan strategik serta bersedia untuk menghadapi sebarang risiko yang mengakibatkan ketidakcapaian azam yang ditetapkan.

Persoalan seterusnya adalah apakah strategi terbaik untuk menetapkan matlamat azam baharu?

Strategi SMART boleh guna pakai dalam memastikan setiap individu dapat merangka azam dengan baik iaitu S (*Specific*) – Senaraikan azam yang ingin dicapai dan ianya mestilah spesifik atau khusus. M (*Measurable*) – setiap azam perlu boleh diukur.

Contohnya pengurangan berat badan sebanyak 5 kilogram (kg) adalah sesuatu yang boleh diukur. A (*Attainable*) – setiap azam mestilah boleh dicapai dan bukannya diluar kawalan seseorang.

Sebagai contoh, pengurangan berat badan 5kg adalah lebih mudah tercapai berbanding penurunan berat badan sebanyak 30kg dan seharusnya penurunan berat badan perlulah realistik (R) dan bukannya drastik dan perlu

mengikut tempoh (T) masa yang ditetapkan.

Seterusnya, bila terlalu banyak azam yang perlu dicapai, ianya mungkin membuatkan seseorang itu tidak fokus dan dikhuatiri akhirnya tidak tercapai bak kata pepatah 'yang dikehjarn tak dapat, yang dikendong berciciran'.

Individu yang tidak mengambil kira potensi diri masing-masing boleh menyebabkan terjadinya stress pada diri dalam percubaan mereka untuk menjadi idealistik berbanding diri mereka yang sebenar.

Apakah perbezaan antara diri sebenar dan diri ideal? Diri sebenar adalah sisi seorang individu yang dikenali dan sebenar tanpa perlu menjadi orang lain.

Diri ideal adalah diri individu yang terhasil daripada apa yang dipelajari melalui pengalaman hidup, tuntutan masyarakat dan perkara yang dipelajari daripada individu yang dikagumi.

Ekspektasi yang terhasil daripada perbezaan diri sebenar dan ideal ini akan menzahirkan kesan stres atau keimbangan terhadap seseorang.

Kesan stres atau keimbangan boleh mengundang kepada masalah tekanan dan perasaan tertekan dan seterusnya mengundang kepada hilangnya fokus dan motivasi seseorang.

Namun, berbeza dengan individu yang mengalami keimbangan berfungsi tinggi, mereka mungkin kelihatan baik di luar, namun mereka mungkin sedang bergelut dengan diri sendiri hanya untuk melepas hari

tersebut.

Orang yang mempunyai keimbangan berfungsi tinggi selalunya dapat menyelesaikan tugas dan kelihan berfungsi dengan baik dalam situasi sosial, tetapi secara dalaman mereka merasakan semua gejala yang sama seperti stres atau keimbangan, termasuk perasaan ketakutan, keimbangan melampau, degupan jantung yang cepat dan gangguan terhadap sistem pencernaan.

Selain itu, faktor penyebab hilangnya fokus adalah apabila seseorang itu tidak dapat mengimbangi di antara pekerjaan dan kehidupan.

Ketidakseimbangan ini memberikan kesan pada faktor masa yang tidak cukup dan sumber yang ada termasuk sumber kewangan.

Sebagai contoh, penetapan matlamat yang tidak realistik untuk menyimpan sejumlah wang untuk pembelian rumah tetapi wujud kebocoran di dalam mengendalikan kewangan dengan baik.

Oleh itu, pentingnya untuk setiap individu berusaha untuk bertanya pada diri tentang keperluan penetapan matlamat atau azam dalam kehidupan.

Ianya dapat membangkitkan semangat untuk diri menjadi lebih baik. Perkara paling tuntas adalah untuk mengatasi rasa takut terhadap kegagalan.

Perlu diingatkan bahawa kegagalan adalah sebahagian daripada proses pembelajaran dan memangkin untuk terus bangkit dalam mencapai impian.

Hindari daripada pemikiran

negatif yang terlampau dan lihat setiap cabaran daripada sudut pandang yang positif.

Rehat yang mencukupi dan pemakanan seimbang dan sihat turut membantu dalam mendapatkan tubuh badan sihat untuk terus bersemangat untuk menempuh kehidupan sehari-hari.

Paling utama, hadiahkan diri sendiri dengan sesuatu yang bermanfaat agar ianya terus menjadi penggalak untuk terus mencapai azam yang telah pun disenaraikan.

Setiap langkah yang diambil untuk mencapai azam walaupun kecil merupakan satu kemajuan dan penting dalam penetapan azam.

Adakah penetapan azam hanya berlaku di awal tahun? Jawapannya adalah tidak walaupun ianya lebih cantik ditetapkan di awal tahun, tetapi konsep paling utama yang perlu diterapkan adalah sentiasa ingin menjadi lebih baik dan mempunyai matlamat dalam kehidupan.

Refleksi diri membantu untuk merancang dan menambah baik dalam membantu peningkatan prestasi diri. Sekiranya menghadapi isu atau cabaran, bincangkan dengan sistem sokongan anda yang boleh membantu memotivasi dan menyelesaikan masalah. Hargai diri dan pantau kemajuan diri.

*Penulis merupakan Kaunselor Berdaftar dan Pensyarah Kanan di Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Beliau boleh dihubungi di azy\_mn@um.edu.my*

# Kempen Penanaman 1 Juta Pokok tambah baik ekosistem negara



AINI MAWAWI

**K**EMPEM Penanaman 1 Juta Pokok adalah salah satu usaha kerajaan dalam pelaksanaan Program Penghijauan Malaysia yang dipantau oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli.

Objektifnya bertujuan untuk memupuk rasa cintakan alam semula jadi di samping dalam masa yang sama mengekalkan kawasan hijau dan berhutan di negara kita pada masa akan datang.

Di Wilayah Persekutuan Putrajaya kempen ini menyasarkan 400,000 pokok bagi tempoh lima tahun yang dipantau oleh Perbadanan Putrajaya (PPj) di lokasi serta spesis pokok yang telah ditetapkan.

Bagi mengetahui dengan lebih lanjut tentang kempen ini, Wilayahku menemu bual Naib Presiden Landskap dan Taman Perbadanan Putrajaya (PPj), LAr Abd Aziz Buang yang mengupas tentang status serta harapan kempen ini.

**WILAYAHKU:** Boleh ceritakan tentang Kempen Penanaman 1 Juta Pokok di Wilayah Persekutuan?

**PPj:** "Kempen Penanaman 1 Juta Pokok adalah salah satu usaha kerajaan dalam pelaksanaan Program Penghijauan Malaysia yang dipantau oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli. Pelancaran kempen ini telah dilaksanakan secara serentak di seluruh negara pada 5 Januari 2021 dengan mensasarkan penanaman 100 juta pokok dalam tempoh lima tahun bermula 2021 hingga 2025 dan tema kempen "Penghijauan Malaysia: Pokok

Kita, Kehidupan Kita".

"Pelaksanaan kempen ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai kepentingan usaha konservasi dan perluasan kawasan litupan hijau dan hutan untuk kesejahteraan dan kualiti hidup selain usaha untuk menambah baik ekosistem dan biodiversiti negara kita."

"Kempen ini juga bertujuan memupuk semangat cintakan alam semula jadi melalui penanaman pelbagai jenis pokok kepada segenap lapisan masyarakat serta menyokong komitmen untuk mengekalkan litupan kawasan hijau dan berhutan di Malaysia."

**WILAYAHKU:** Berapakah sasaran penanaman pokok di Putrajaya?

**PPj:** "Kementerian Wilayah Persekutuan turut menyokong kempen ini dan telah menetapkan sasaran penanaman sebanyak 1 juta pokok di peringkat Wilayah Persekutuan dan jumlah sasaran penanaman di Putrajaya adalah sebanyak 400,000 pokok bagi tempoh lima tahun. Anggaran sasaran penanaman adalah sebanyak 80,000 pokok setahun."

**WILAYAHKU:** Apakah status penanaman pokok yang telah



PENANAMAN pokok sedang giat dijalankan di Putrajaya.



POKOK yang ditanam sentiasa diselia sepanjang masa.



Imbas kod QR untuk tonton video

ditanam Putrajaya?

**PPj:** "Perbadanan Putrajaya kini sedang giat melaksanakan penanaman pokok di tapak dengan kerja-kerja menaik taraf landskap di kawasan jalan-jalan protokol, kawasan kejiranan, pesisiran tasik, taman-taman awam, zon penampang dan jalur hijau di Putrajaya."

**WILAYAHKU:** Berapakah pokok yang telah ditanam di Putrajaya?

**PPj:** "Sebanyak 42,125 pokok telah berjaya didaftarkan di laman sesawang Penghijauan Malaysia sehingga tarikh terkini dan kerja-kerja memuat naik data penanaman di dalam laman sesawang kini sedang giat dilaksanakan bagi penanaman pokok pada tahun 2021."

Hutan Berbunga Dalam Bandar."

**WILAYAHKU:** Dimanakah lokasi-lokasi tumpuan bagi kempen penanaman pokok?

**PPj:** "Kawasan jalan-jalan protokol, kejiranan, pesisiran tasik, taman-taman awam, zon penampang dan jalur hijau di Putrajaya."

**WILAYAHKU:** Apakah hasrat PPj terhadap kempen ini?

**PPj:** "Perbadanan Putrajaya menyeru seluruh warga Wilayah Persekutuan Putrajaya untuk bersama menyokong Kempen Penanaman 1 Juta Pokok di Wilayah Persekutuan Putrajaya dengan menanam pokok di dalam laman rumah dan mendaftarkan maklumat penanaman tersebut terus ke laman sesawang.

Penghijauan Malaysia. Pokok yang ditanam di dalam pasu juga akan dikira bagi kempen ini. Pelbagai ganjaran menarik yang boleh ditebus sepanjang kempen ini dijalankan."

"Hanya tanam dan daftarkan maklumat penanaman pokok di laman sesawang Penghijauan Malaysia dan tebus ganjaran yang anda minati. Mari kita sama-sama menanam pokok dengan tema "Pokok Kita, Kehidupan Kita".

ABD AZIZ

Khalidah berharap kejohanan berlangsung tahun ini

# Sedia genggam emas SUKMA 2022

AINI MAWAWI

**A**TLET boling padang padang Wilayah Persekutuan, **Nor Khalidah Sanip**, 21, mengakui sedang giat menjalani latihan untuk mempersiapkan diri menjelang kejohanan SUKMA 2022 yang akan berlangsung di Kuala Lumpur.

Biarpun masih tiada sebarang pengumuman tentang tarikh tepat kejohanan tersebut namun atlet yang pernah menggenggam pingat emas pada SUKMA 2016 ini tetap bersiap siaga untuk mengulangi kejayaan tersebut.

"Setakat ini saya difahamkan pihak pengurusan masih mengekalkan senarai nama atlet untuk SUKMA 2020 yang ditangguhkan sebelum ini. Nama saya ada dalam senarai tersebut. Disebabkan itu juga saya melipat gandakan latihan.

"Tambahnya pula sudah la-



ma tidak mengikuti sebarang kejohanan disebabkan pandemik COVID-19, jadi banyak yang perlu diasah semula dari pelbagai aspek antaranya teknik balingan dan sebagainya.

"Selain itu, saya juga perlu bersiap sedia dari segi mental dan fizikal kerana sukan boling padang ini memerlukan persediaan yang tinggi," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Dalam pada itu, Khalidah tidak mau terlalu meletakkan harapan yang terlalu tinggi terhadap kejohanan tersebut kerana bimbang ia akan ditunda lagi.

"Kalau kita tengok sekarang, angka jangkitan COVID-19 semakin tinggi dan saya gusar kalau ia akan dibatalkan. Walau bagaimanapun sebagai atlet, persediaan diri amat penting setiap masa," ujarnya lagi.

Biarpun sibuk dengan tugas

## Pencapaian Nor Khalidah

2018 - SUKMA Perak - Pingat emas acara berempat

2018 - Kejohanan persahabatan BIMP EAGA, Brunei - 1 pingat emas, 1 pingat gangsa

2016 - SUKMA Sarawak - Pingat emas acara bertiga

2014 - Kejohanan persahabatan BIMP EAGA, Labuan - 1 pingat perak, 1 pingat gangsa



**KHALIDAH** fokus pada lontaran ketika menyertai Kejohanan Terbuka Kuala Lumpur (fours) di Bukit Kiara tahun lalu.

# Dua import TSG harungi musim 2022

**PASUKAN** berbasikal bertaraf benua Terengganu Polygon Cycling Team (TSG) mempertaruhkan dua muka baharu bagi mengharungi saingan lebih mencabar musim ini.

Pelumba import tersebut ialah Jamal Hibatullah, 24, dari Indonesia dan Anatolii Budiak, 26, dari Ukraine yang pakar dalam teknik pendakian.

Ketua Pegawai Eksekutif TSG **Che Ku Mohd Izmuddin Che Ku Mahmood** berkata pelumba import lain terus bersama pasukan adalah Metkel Eyob, Youcef Reguigui, Jeroen Meijers, Jambaljambts Saibayar dan Goh Choon Huat yang sudah beraksi lebih dua musim bersama TSG.

"Untuk pelumba tempatan, kita masih mengekalkan gandingan adik-beradik Mohd Zamri dan Mohd Harrif Saleh, Mohamad Nur Aiman Mohd Zariff, Nur Amirul Fakruddin Mazuki serta Irwandiie Lakasek.

"Begitu juga Mohd Shahru Mat Amin, Muhamad Afiq Huznie Othman dan Wan Abdul Rahman Hamdan yang kita latih daripada Akademi TSG dan masih kitakekalkan untuk musim ini," katanya selepas majlis pelancaran dan memperkenalkan pelumba dan bariansan penaja TSG 2022.

Turut hadir, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Belia, Sukan dan Badan Bukan Kerajaan negeri, Wan Sukairi Wan Abdullah.

Dalam pada itu, Che Ku Mohd Izmuddin berkata TSG juga meletakkan sasaran untuk mengekalkan gelaran juara Jelajah Asia Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI) yang dimenanginya tahun lepas.

"Jadual padat menanti TSG musim ini dengan perlumbaan



**BARISAN** pelumba TSG 2022 fokus saingan baharu.

sulung iaitu Tour of Sharjah dijadualkan berlangsung pada 28 Januari hingga 1 Februari Kemudian, kita akan menyertai Tour du Rwanda yang menjadi sebahagian daripada siri jelajah Afrika.

"Malah TSG juga akan kembali berterap dalam siri jelajah Eropah seperti penyertaan di Grand Prix Alanya, Grand Prox Velo Alanya dan Grand Prox Justiniano Race di Turki," katanya.

TSG yang dibimbing oleh jurulatih Jeremy Hunt, muncul juara jelajah Asia musim 2021 selepas mengumpul 856 mata daripada 17 kejohanan, sekali gus menempatkan pasukan di kedudukan ke-42 dunia.

Mengulas mengenai penajaan musim ini, Che Ku Mohd Izmuddin berkata TSG juga berjaya mengumpul sumbangan sebanyak RM9.3 juta iaitu jumlah tertinggi dicatatkan sepanjang penubuhan pasukan sejak 2011.

Katanya, pencapaian tersebut

but amat membanggakan dan menunjukkan petanda positif, iaitu pada waktu industri sukan banyak terkesan disebabkan penuhan COVID-19, pasukannya masih mampu meraih tajaan yang tinggi.

"Selain kerajaan negeri, kita juga mempunyai penaja utama baharu, Polygon iaitu sebuah syarikat jenama pengeluar basikal yang beroperasi di Jawa Timur, Indonesia.

"Penaja lain termasuk Shimano Pte Ltd, Terengganu Incorporated Sdn Bhd, Isports, Garmin, Qr Tech Ventures Sdn Bhd dan KMI Healthcare yang memberikan sumbangan dalam bentuk barang dan tunai," katanya.

Selain rakan penaja, TSG yang berpengkalan di Kuala Terengganu turut menjalin kerjasama strategik dengan syarikat penerbangan rasmi Turki, Turkish Airline, Tourism Terengganu, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

- BERNAMA

# Azizulhasni, Zii Jia antara calon biasiswa Olimpik

**JAGUH** berbasikal trek kebangsaan Datuk Mohd Azizulhasni Awang dan juara All England 2021, Lee Zii Jia merupakan antara 15 calon atlet dikemukakan Majlis Olimpik Malaysia (MOM) untuk menerima Biasiswa Olimpik daripada Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC).

Presiden MOM, **Tan Sri Mohamad Norza Zakaria** berkata kesemua 15 atlet itu dipilih daripada keseluruhan 40 pencalonan diterima pihaknya menerusi 11 jenis sukan bagi menikmati biasiswa sebagai persiapan untuk menghadapi Sukan Olimpik 2024 di Paris.

"Antara kriteria ditetapkan oleh IOC adalah penerima perlu dalam kalangan atlet yang berpotensi untuk layak ke temasya Sukan Olimpik Paris 2024," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mempergerusikan mesyuarat lembaga eksekutif MOM kali ketiga sesi 2021/2025 di Wisma MOM.

Selain Azizulhasni dan Zii Jia, Mohamad Norza mengumumkan atlet lain yang tersenarai adalah lima lagi pemain badminton negara iaitu Aaron Chia, Soh Wooi Yik, Pearly Tan, M. Thinaah dan S. Kisona serta dua lagi atlet berbasikal trek iaitu



**MOHAMAD NORZA**  
Muhammad Shah Firdaus Sahrom dan Muhsin Fadhil Zonis.

Beliau berkata ratu terjun, Datuk Pandelela Rinong dan Nur Dhabitah Sabri, Khairul Anuar Mohamad yang mewakili manan serta tiga pelayar kebangsaan, Nuraisyah Jamil, Juni Karimah Noor Jamali dan Nur Shazrin Mohd Latif juga berpeluang menerima biasiswa itu.

Antara bekas atlet kebangsaan yang pernah menerima biasiswa itu adalah dua atlet olahraga iaitu Watson Nyambek dan Yuan Yufang selain Ong Ewe Hock, Cheah Soon Kit dan Choong Tan Fook dari badminton serta atlet pelayaran Kelvin Lim.

- BERNAMA



Penduduk setempat zahirkan ucapan terima kasih

## YWP sumbang karpet untuk kariah Masjid As-Sobirin

**H**UJAN yang berterusan tiaga hari berturut-turut pada 19 Disember tahun lalu telah menyebabkan bencana alam dan banjir genang yang menjelaskan banyak kawasan termasuk di ibu negara Kuala Lumpur dan beberapa tempat di Selangor.

Kesan puing dapat dilihat apabila kemusnahan dalam skala besar telah meranapkan banyak rumah selain merosakkan ribuan kenderaan akibat bencana alam itu. Selain dari kerosakan harta benda, masjid, surau serta rumah ibadat yang lain turut tidak terkecuali ditimpa musibah ini. Banyak peralatan rosak termasuk karpet serta alatan elektronik dan menyebabkan kesulitan kepada jemaah yang ingin mengimarahkan masjid.

Prihatin dengan perkara tersebut, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, yang juga Pengurus Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) telah mengarahkan penggantian karpet masjid yang baharu dilakukan dengan segera bagi keselesaan para jemaah.

Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun turut memantau proses pemasangan karpet baru tersebut bagi memastikan ianya disiapkan dengan segera bagi keselesaan semua jemaah.

Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Bukit Changgang **Alias Hamdi** menzahirkan rasa terima kasih atas keprihatinan Menteri Wilayah Persekutuan dan YWP ini.

"Ia dapat menjimatkan perbelanjaan masjid dan dana sumbangan yang ada akan ditumpukan kepada pembaikan fasiliti yang lain," katanya.

Nazir Masjid As-Sobirin, Abd Hamid Rejab menyatakan rasa syukur di atas sumbangan YWP untuk kese-



**ZAIZALNIZAM** meninjau kerja-kerja pemasangan karpet baharu di Masjid As-Sobirin, Kampung Bukit Changgang baru-baru ini.

lesaan jemaah dan turut mendoakan agar YWP terus maju dalam hal ehwal kebajikan.

Sementara itu, Harian Metro melaporkan keadaan beberapa buah masjid di sekitar Daerah Hulu Langat turut menerima kesan yang agak teruk dan mendapat banyak kerosakan daripada segi fasiliti seperti sistem audio serta karpet.

Nazir Masjid Al-Ehsan, Kampung Sungai Serai, Abd Aziz Ahmad berkata, masjid berkenaan sering dimasuki air sebelum ini tetapi banjir bulan lalu sebagai yang terburuk pernah dialami.

"Sebelum ini, kebiasaannya banjir tidak mencecah paras bumbung. Bagaimanapun, dalam tempoh dua bulan terakhir tahun lalu, masjid kami dimasuki air sebanyak tiga kali dan yang ketiga adalah paling teruk."

"Bahkan kuatnya arus air dan angin pada malam itu sehingga mimbar boleh bergerak ke pintu hadapan.

"Kos membaik pulih juga am-

at tinggi. Kami ada menerima dana daripada orang awam sehingga kini mencecah RM80,000," katanya.

Jelasnya, anggaran kerosakan di masjid termasuk sistem audio, karpet, penghawa dingin serta barang elektronik yang lain dianggarkan mencecah hampir RM1.2 juta.

Dalam laporan tersebut, tinjauan yang dilakukan di Masjid Kampung Jawa, Batu 18, mendapati masjid berkenaan turut mengalami kerosakan peralatan elektronik berikut turut dimasuki air.

Selain peralatan elektronik seperti penyedut habuk, masjid tersebut turut kehilangan fasiliti lain seperti kerusi dan tikar susulan hanyut dibawa arus banjir.

Bagaimanapun air tidak mencecah sehingga semeter dan kami juga bersyukur kerana al-Quran serta kitab-kitab agama selamat selepas diletakkan di tempat yang agak tinggi. WK

## Dos penggalak mungkin tidak mencukupi: WHO

**PERTUBUHAN** Kesihatan Sedunia (WHO) berkata pada Selasa bahawa vaksin COVID-19 semasa mungkin perlu dikemas kini untuk perlindungan berterusan terhadap varian baharu, termasuk Omicron.

Kumpulan Penasihat Teknikal WHO mengenai Komposisi Vaksin COVID-19 (TAG-COV-VAC), melibatkan 18 pakar berkata, walaupun vaksin terkini

memberikan perlindungan tinggi daripada terkena jangkitan teruk dan kematian disebabkan varian yang dibimbangi (VOC), vaksin bagi mencegah jangkitan dan penularan perlu dibangunkan, kata Xinhua.

Sementara itu, komposisi vaksin COVID-19 semasa mungkin perlu dikemas kini bagi menghalang virus daripada terus berubah.

Pakar telah menggalakkan pengeluar vaksin COVID-19 menyediakan data berhubung prestasi terkini vaksin khususnya terhadap Omicron, sebelum memutuskan perubahan terhadap komposisi vaksin yang mungkin diperlukan.

Pakar turut menekankan kepentingan akses global terhadap vaksin COVID-19 bagi membendung varian Omicron. - BERNAMA

## Bersyukurlah, jangan suka mengeluh - Nazim Othman

DEEL ANJER

**PELAKON** popular **Nazim Othman**, 37, menyeru masyarakat agar sentiasa menerapkan rasa syukur dalam diri walau apa pun dugaan yang dihadapi.

Nazim berkata, pengalaman duduk rumah dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19 sebelum ini harus dijadikan semangat untuk terus memajukan diri.

"PKP adalah tempoh masa yang tidak mungkin dapat dilupakan oleh seluruh rakyat Malaysia. Pelbagai cabaran dari sudut mental, fizikal dan kewangan terpaksa kita lalui bersama.

"Bagi saya, antara pengajaran yang dapat diambil adalah sentiasa bersyukur dengan pekerjaan yang dimiliki.

"Apabila ramai yang kehilangan pekerjaan, barulah kita sedar betapa nikmatnya mempunyai kerja untuk meneruskan kelangsungan hidup.

"Bila PKP dah tamat, maknanya tuhan bagi bekerja semula. Jadi, dalam hidup ini jangan sesekali suka kompleks atau mengeluh. Bersyukurlah.

"Sikap suka kompleks dalam pekerjaan sebenarnya tidak bagus kerana kita seolah-olah tidak bersyukur dengan rezeki yang Allah kurniakan," katanya yang berharap mesej daripada pandemik dapat dijadikan inspirasi dalam hidup semua orang.

Menurut Nazim, banyak hikmah yang dirasanya ekoran COVID-19 melanda negara.

"Bagi saya ada hikmah di sebalik apa yang berlaku. Apa yang saya boleh cakap, masa PKP rezeki saya masih ada, tidak putus.

"Misalnya saya diberi peluang untuk mempromosi produk-produk. Ia kekal ada sehingga ke saat ini. Tuhan tetapkan untuk rezeki saya lancar dan datang dari sumber lain. Alhamdulillah..

"Jadi saya anggap PKP itu adalah masa untuk berlehat. Iyalah, kalau tak ada PKP memang setiap hari akan keluar pergi kerja. Tak kira malam atau siang, apa yang difikirkan hanya kerja.

"Dalam masa yang sama, bila PKP, saya pun tak boleh nak bercuti ke luar negara, jadi duit yang ada pun dapat disimpan," ujarnya lagi yang akan muncul dalam drama bersiri Kau Cinta Kasih (TV3), Sepi Tanpa Cinta (Astro Megadrama) dan telefilem Mendua (Netflix). WK

